



JABATAN PERPADUAN NEGARA  
DAN INTEGRASI NASIONAL  
(JABATAN PERDANA MENTERI)



# JURNAL 2019 PERPADUAN

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional  
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
(Jabatan Perdana Menteri)



**MEMBUDAYAKAN PERPADUAN,  
MERAIKAN KEPELBAGAIAN**

# KANDUNGAN

<b>5</b>	<b>INDEKS KEHARMONIAN SOSIO-AGAMA DI MALAYSIA</b>
	Oleh: Ahmad Tarmizi Talib, Enizahura Abdul Aziz, Mohd Amiruddin Kamarulzaidi, Fang Yi Xue
<b>23</b>	<b>KAJIAN BERASASKAN PENGALAMAN: PENGASASAN KEJIRANAN KOMUNITI BANDAR, KESEPADUAN SOSIAL DAN KUALITI KEHIDUPAN</b>
	Oleh: Datuk Dr. Denison Jayasooria, James Ryan Raj
<b>51</b>	<b>PENERAPAN ELEMEN PERPADUAN NASIONAL DALAM PROGRAM NGO DI SABAH: SATU TINJAUAN AWAL</b>
	Oleh: Abd Hakim Mohad, Ros Aiza Mohd Mokhtar, Aiedah Abdul Khalek, Jill Sarjit G., Ahmad Tarmizi Talib
<b>65</b>	<b>HUBUNGAN DEMOGRAFI DENGAN KEBERKESANAN AKTIVITI RUKUN TETANGGA</b>
	Oleh: Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri
<b>83</b>	<b>KAJIAN PROGRAM MODUL SILANG BUDAYA UNTUK KELAB RUKUN NEGARA</b>
	Oleh: M.Paramasivam, Sabran, M. S.
<b>101</b>	<b>TAHAP INTEGRASI ANTARA ETNIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA</b>
	Oleh: Mohd Ra'in Shaari, Adenan Ayob, Zarima Zakaria, Abdullah Yusof
<b>125</b>	<b>MEDIATION IN INTELLECTUAL PROPERTY DISPUTES</b>
	Oleh: Nazura Abdul Manap, Siti Naaishah Hambali, Mohamad Rizal Abdul Rahman, Asma Hakimah Ab Halim, Haliza A.Shukor
<b>141</b>	<b>INDONESIAN DOMESTIC WORKERS IN UPPER MIDDLE CLASS HOMES IN MALAYSIA: A CASE STUDY OF THEIR RELATIONSHIPS WITH EMPLOYERS</b>
	Oleh: Aananthi a/p Thuraisamy, Calon Ph.D

# **INDEKS KEHARMONIAN SOSIO-AGAMA DI MALAYSIA**

**Penyelidik:**

**Ahmad Tarmizi Talib  
Enizahura Abdul Aziz  
Mohd Amiruddin Kamarulzaidi  
Fang Yi Xue**

## INDEKS KEHARMONIAN SOSIO-AGAMA DI MALAYSIA

Ahmad Tarmizi Talib, Enizahura Abdul Aziz,  
Mohd Amiruddin Kamarulzaidi, Fang Yi Xue

### ABSTRAK

Masyarakat Malaysia merupakan sebuah masyarakat majmuk yang terdiri berlatarkan agama dan budaya yang hidup secara aman dan damai serta mengekalkan keunikan masing-masing. Walau bagaimanapun, kemajmukan tersebut turut digariskan sebagai salah satu cabaran utama dalam misi menjayakan pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju. Satu kajian menyeluruh bagi mendapatkan “*base line data*” perlu dijalankan bertujuan mengenal pasti dan mendalami permasalahan sebenar yang mendasari isu hubungan antara agama di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk membina instrumen soal selidik dan mengukur indeks keharmonian sosio-agama antara penganut agama yang dikatakan semakin rumit dalam kalangan masyarakat Malaysia. Kepentingan indeks ini adalah untuk kegunaan pihak berautoriti agar dapat mengambil langkah pragmatik untuk menguruskan hubungan antara penganut agama berdasarkan tahap indikator yang ditunjukkan oleh indeks ini. Kajian ini dibahagikan kepada dua fasa iaitu (a) fasa pembinaan instrumen soal selidik dan (b) fasa kajian lapangan bagi menguji kebolehgunaan instrumen yang akhirnya menghasilkan Indeks Keharmonian Sosio-Agama di Malaysia. Instrumen ini telah dibina oleh sekumpulan pakar yang terdiri daripada para akademik, penggubal polisi, badan agama Islam, ketua-ketua agama, dan badan bukan kerajaan (NGO). Pandangan pakar telah dianalisis menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* melalui dua siri bengkel. Instrumen yang siap dibina diajukan kepada masyarakat umum di empat negeri terpilih. Dapatan kajian menunjukkan tahap keamanan, penerimaan, persefahaman, kerjasama, kepuasan hak dan keadilan dan kekerapan konflik dalam kalangan masyarakat majmuk Malaysia di tahap yang amat baik.

Kata kunci: Indeks, Keharmonian, Sosio-Agama

## 1.0 Pengenalan

Mutakhir ini, isu agama dan hubungan antara agama khususnya Islam dan bukan Islam dalam kalangan masyarakat Malaysia sering bertukar menjadi sensitif dan kadang kala menimbulkan ketegangan. Dalam melindungi amalan beragama, Perlembagaan Persekutuan (Artikel 3), memperuntukkan agama Islam sebagai agama persekutuan, manakala agama-agama lain bebas diamalkan oleh para penganutnya. Justeru itu, agama-agama lain selain agama Islam diamalkan tanpa sebarang sekatan. Hal ini dapat dilihat dengan jelas terutamanya di kawasan bandar kerana masyarakat selain Islam majoritinya berada di sana berbanding di kawasan luar bandar. Kawasan luar bandar majoritinya didiami oleh masyarakat Melayu Islam. Namun, sejauh mana agama memainkan peranan dan memberi pengaruh dalam politik di Malaysia.

Walaupun secara umumnya hubungan antara agama masih dalam keadaan terkawal namun, melihat kepada senario semasa, satu kajian menyeluruh bagi mendapatkan “*base line data*” perlu dijalankan, bertujuan mengenal pasti dan mendalami permasalahan sebenar yang mendasari isu hubungan antara agama di Malaysia. Sehubungan itu, beberapa permasalahan kajian telah dikenal pasti. Kajian ini bertujuan untuk mengukur keharmonian sosio-agama antara penganut agama yang dikatakan semakin rumit dalam kalangan masyarakat Malaysia melalui satu indeks yang dinamakan Indeks Keharmonian Sosio Agama Malaysia.

Indeks Keharmonian Sosio-Agama dibina untuk mengukur tahap sebenar keharmonian antara penganut agama di negara ini. Indeks ini dibangunkan agar negara peka terhadap indikator keharmonian antara penganut agama selain dapat memberi gambaran tahap keharmonian negara sama ada di tahap yang sejahtera atau meruncing.

Kepentingan indeks ini adalah untuk kegunaan pihak berautoriti agar dapat bertindak sesuai dengan tahap indikator yang ditunjukkan oleh indeks ini. Berdasarkan kepada kajian, antara kaedah yang paling baik dalam memberikan petunjuk kepada realiti sebenar hubungan antara penganut agama adalah melalui instrumen indeks. Hal ini dibuktikan dengan terbangunnya pelbagai indeks dalam dan luar negara.

## 2.0 Sorotan Kajian Lepas

Agama merupakan fenomena yang penting dalam kehidupan manusia. Dalam konteks Malaysia, agama menjadi identiti bagi sesebuah kelompok etnik dan saling melengkapi antara satu sama lain sehingga kelompok etnik disamakan dengan kelompok agama. Misalnya orang Melayu dianggap sebagai orang Islam, orang India sebagai Hindu, orang Cina dan Siam sebagai Buddha serta masyarakat orang Asli dan bumiputra Sabah dan Sarawak sebagai penganut animisme (Shamsul, 2012; Ahmad Tarmizi et al., 2013).

Beberapa pemerhatian dan kajian telah dijalankan oleh para cendiakawan mengenai hubungan antara agama di Malaysia. Syed Kechik adalah salah seorang yang paling awal yang menulis tentang keadaan toleransi agama di negeri Sabah. Beliau telah mengemukakan banyak bukti yang mengatakan bahawa toleransi agama telah diamalkan dengan baik di Sabah terutamanya oleh pihak berkuasa pada ketika itu (Mohamed, 1971).

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Syed Kechik, menunjukkan negeri Sabah tidak menghadapi masalah berkaitan hubungan antara penganut agama. Ini disokong oleh laporan media yang sering mengaitkan negeri Sabah sebagai negeri yang mempunyai masyarakat yang hidup dalam keadaan toleransi sekalipun terdiri daripada pelbagai agama dan etnik. Namun kajian yang dijalankan sebelum ini adalah kajian kualitatif dan hebatan media itu juga masih tidak mempunyai data yang kukuh.

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Bajau, Dayak dan lain-lain. Lantaran kerana kepelbagaian latar belakang inilah maka lanskap politik di Malaysia diselubungi dengan perjuangan yang berasaskan perkauman (Ishak Saat, 2010). Salah satu sebab kerencaman situasi disebabkan oleh Malaysia mempunyai masyarakat berbilang kaum (Zaid, 2010). Antara peristiwa kekeruhan hubungan etnik yang sering ditonjolkan ialah peristiwa berdarah 13 Mei yang tercetus ekoran Pilihanraya Umum Ke-3 pada 10 Mei 1969 (Ishak Saat, 2009). Maka, isu agama perlu ditangani dengan penuh hikmah agar ia bukan menjadi isu yang boleh menggugat keamanan dan kedamaian yang dinikmati bersama.

Menurut Shamsul (2007) perpaduan merupakan satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanah air.

Percakaran antara etnik dapat dikurangkan dan konflik kepentingan etnik diredukan melalui demokrasi permuafakatan. Permuafakatan politik akan terus menjadi formula mujarab bagi menjamin kestabilan dan kemajuan masa depan negara (Shamsul, 2012).

Kajian Rahimin Affandi Abd. Rahim (2011) menunjukkan bahawa, tahap perpaduan antara kaum dan agama di Malaysia masih berada dalam keadaan yang rapuh walaupun negara telah lebih 50 tahun mencapai kemerdekaan. Justeru itu, kajian beliau telah mencadangkan pendekatan dialog agama dilaksanakan sebagai satu alternatif penyelesaian yang berkesan ke arah mewujudkan persefahaman dan meminimumkan konflik antara agama seterusnya membina hubungan agama yang positif ke arah melahirkan perpaduan.

Dasar Islamisasi kerajaan seperti Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam telah dinilai oleh penganut bukan Islam sebagai usaha untuk memantapkan kedudukan masyarakat Melayu, yang dianggap sebagai sifat nasionalisme Melayu yang keterlaluan sehingga mengancam kedudukan masyarakat bukan Islam (Jaffary, 2003). Selain itu, kajian Khadijah dan Mohd Herzali (2008) mendapat

pengabaian dalam budaya dialog dan interaksi agama dalam masyarakat telah menimbulkan kekeliruan dan salah faham sehingga mendorong kepada persengketaan dan permusuhan. Justeru itu, stigma yang meletakkan isu agama tidak boleh dibincangkan secara terbuka harus ditinggalkan dalam usaha mewujudkan hubungan beragama yang baik menerusi pendekatan menghargai persamaan dan perbezaan yang wujud dalam setiap agama. Kepentingan interaksi antara kaum dan agama turut ditegaskan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi menerusi konsep Islam Hadhari yang diperkenalkannya dulu sebagai medan untuk rakyat menjalankan hubungan baik antara satu sama lain (Mohd Farhan Darwis, 2012).

Menurut Zaid Ahmad, sebagai contoh menerusi pemerhatian, berlakunya turun naik dalam perhubungan antara agama di Malaysia terutamanya selepas negara mencapai kemerdekaan. Tambahan lagi, beliau juga melihat bahawa, dalam toleransi agama di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua peringkat. Yang pertamanya adalah pada tahap politik, pentadbiran atau birokrasi dan yang keduanya pada peringkat akar umbi (Zaid Ahmad, 2003, 2007).

Isu dan cabaran hubungan antara agama di Malaysia telah lama berlaku malah dilihat semakin membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Sehubungan itu, satu kajian awal bagi mengesan dan mengenalpasti pandangan masyarakat mengenai isu keagamaan serta tahap prejudis antara agama perlu dilaksanakan segera.

### 3.0 Tujuan Kajian

Secara amnya, kajian ini akan membuat penilaian dengan menggunakan enam domain iaitu keharmonian, penerimaan, persefahaman, kerjasama, kepuasan terhadap hak dan keadilan, dan kekerapan konflik bagi mengukur tahap keharmonian sosio-agama di Malaysia. Antara objektifnya adalah:

- a) Untuk mengenal pasti indikator-indikator berkaitan keharmonian antara penganut agama di Malaysia.
- b) Untuk membangunkan Indeks Keharmonian antara Penganut Agama di Malaysia.

- c) Untuk menilai kebolehgunaan Indeks Keharmonian antara Penganut Agama di Malaysia melalui satu kajian lapangan yang komprehensif.

## 4.0 Metodologi Kajian

Bahagian ini membincangkan secara terperinci tentang metodologi kajian. Setiap tatacara dan kaedah penyelidikan telah dibuat secara sistematik seiring dengan objektif kajian. Perbincangan ini tertumpu kepada lokasi kajian, persampelan, kajian rintis serta analisis data. Prosedur-prosedur yang digunakan adalah penting untuk hala tuju kajian ini menepati kaedah kajian dalam penyelidikan kuantitatif.

### 4.1 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di empat negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Perak, dan Melaka. Lokasi kajian ini dipilih kerana bersesuaian dengan keadaan masyarakat yang lebih berbilang agama dan etnik. Pemilihan empat buah negeri ini disebabkan lokasi tersebut terdiri daripada majoriti Islam dan bukan Islam yang menetap di kawasan tersebut, bersesuaian dengan tema kajian.

### 4.2 Persampelan

Dalam kajian ini, sampel kajian terdiri daripada 400 responden yang merupakan sampel *data baseline* bagi mewakili populasi penganut agama di empat negeri tersebut. Kajian ini menggunakan persampelan secara berstrata (*random stratified sampling*) mengikut nisbah setiap agama yang dominan, iaitu Islam (60%), Buddha (20%), Kristian (10%) dan Hindu (10%).

Responden menjawab semua borang soal selidik yang telah disediakan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif, iaitu survei.

### 4.3 Kajian Rintis

Kajian rintis ini dilakukan sebelum pengumpulan data sebenar dijalankan. Ia bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kebolehpercayaan instrumen yang digunakan di mana adakah soalan dapat difahami oleh responden dan sesuai untuk dikaji atau tidak. Melalui kajian rintis, reliabiliti instrumen yang digunakan dapat diukur dan diperbaiki. Kajian rintis ini telah dijalankan sebulan sebelum kajian sebenar dilaksanakan, iaitu sekitar bulan Ogos 2017 yang melibatkan 50 orang responden daripada pelbagai agama dan etnik di negeri Selangor. Satu ujian kebolehpercayaan telah dilakukan dan menunjukkan skor kebolehpercayaan nilai Cronbach Alpha = 0.936.

## 5.0 Analisis Data

Data yang diperolehi melalui borang soal selidik telah dianalisa dengan menggunakan kaedah *Statistical Package For The Social Sciences* (SPSS) Versi 22. Statistik diskriptif dalam bentuk frekuensi, peratus, dan min digunakan untuk menghuraikan maklumat tentang latar belakang responden dan memberi gambaran primer untuk angkubah yang diukur daripada borang soal selidik yang telah dianalisa.

## 6.0 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada responden di empat lokasi kajian sahaja, iaitu di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Melaka. Kesahihan hasil kajian juga ditentukan oleh kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan melalui pengedaran borang kaji selidik untuk kajian ini.

## 7.0 Dapatan Kajian

### 7.1 Tahap Setiap Domain

#### 7.1.1 Tahap Keamanan

Jadual 1: Tahap Keamanan (Skala 3)

Tahap	n	%
Tinggi	250	62.5
Sederhana	143	35.8
Rendah	7	1.8
<b>Jumlah</b>	<b>400</b>	<b>100.0</b>

Secara keseluruhannya, 62.5% responden menyatakan tahap keamanan adalah tinggi dalam kalangan penganut berbeza agama di negara ini, diikuti 35.8% responden menyatakan keamanan antara penganut agama yang berbeza berada di tahap sederhana. Hanya 1.8% responden menyatakan bahawa, keamanan antara penganut agama di Malaysia berada di tahap yang rendah.

#### 7.1.2 Tahap Penerimaan

Jadual 2: Tahap Penerimaan (Skala 3)

Tahap	n	%
Tinggi	221	55.3
Sederhana	168	42.0
Rendah	11	2.8
<b>Jumlah</b>	<b>400</b>	<b>100.0</b>

Keseluruhannya, 55.3% responden menyatakan tahap penerimaan dalam kalangan penganut yang berbeza agama berada pada tahap yang tinggi, diikuti sebanyak 42% responden menyatakan tahap

penerimaan mereka terhadap penganut agama berbeza pada tahap sederhana. Manakala hanya 2.8% responden menyatakan tahap penerimaan mereka terhadap penganut agama lain pada tahap yang rendah.

### 7.1.3 Tahap Persefahaman

Jadual 3: Tahap Persefahaman (Skala 3)

Tahap	n	%
Tinggi	202	50.5
Sederhana	184	46.0
Rendah	14	3.5
<b>Jumlah</b>	<b>400</b>	<b>100.0</b>

Keseluruhannya, 50.5% responden mempunyai tahap persefahaman yang tinggi antara penganut agama yang berbeza, diikuti sebanyak 46% responden berada pada tahap sederhana dan hanya 3.5% responden berasa tahap persefahaman antara penganut agama berbeza adalah rendah.

### 7.1.4 Tahap Kerjasama

Jadual 4: Tahap Kerjasama (Skala 3)

Tahap	n	%
Tinggi	214	53.5
Sederhana	171	42.8
Rendah	15	3.8
<b>Jumlah</b>	<b>400</b>	<b>100.0</b>

Majoriti responden menyatakan tahap kerjasama antara penganut agama berbeza pada tahap yang tinggi sebanyak 53.5%. Manakala sebanyak 42.8% responden menyatakan tahap kerjasama antara

penganut berbeza agama berada di tahap sederhana diikuti 3.8% responden menyatakan tahap kerjasama antara penganut berbeza agama pada tahap yang rendah.

### 7.1.5 Tahap Kepuasan Hak dan Keadilan

**Jadual 5: Tahap Kepuasan Hak dan Keadilan (Skala 3)**

Tahap	n	%
Tinggi	259	64.8
Sederhana	128	32.0
Rendah	13	3.3
<b>Jumlah</b>	<b>400</b>	<b>100.0</b>

Majoriti responden berpuas hati dengan tahap hak dan keadilan dalam kalangan penganut berbeza agama iaitu sebanyak 64.8%, diikuti 32% responden menyatakan tahap hak dan keadilan berada pada kedudukan sederhana. Seterusnya 3.3% responden menyatakan hak dan keadilan antara penganut agama berbeza pada tahap rendah.

### 7.1.6 Tahap Kekerapan Konflik

**Jadual 6: Tahap Kekerapan Konflik (Skala 3)**

Tahap	n	%
Tinggi	17	4.3
Sederhana	144	36.0
Rendah	239	59.8
<b>Jumlah</b>	<b>400</b>	<b>100.0</b>

Secara keseluruhannya, majoriti responden menyatakan tahap konflik dalam kalangan penganut agama berbeza berada pada tahap rendah iaitu sebanyak 59.8%, diikuti 36% responden menyatakan

tahap konflik dalam kalangan penganut agama berbeza berada di tahap sederhana. Hanya 4.3% responden menyatakan tahap konflik berada pada tahap yang tinggi.

## 7.2 Domain Secara Keseluruhan

**Jadual 7: Domain Secara Keseluruhan**

Tahap Domain	Tinggi	Sederhana	Rendah	Jumlah
Keamanan	62.5%	35.8%	1.8%	100%
Penerimaan	55.3%	42.0%	2.8%	100%
Persefahaman	50.5%	46.0%	3.5%	100%
Kerjasama	53.5%	42.8%	3.8%	100%
Kepuasan Hak dan Keadilan	64.8%	32.0%	3.3%	100%
Kekerapan Konflik	4.3%	36.0%	59.8%	100%

- Secara keseluruhannya, 62.5% responden menyatakan tahap keamanan adalah tinggi dalam kalangan penganut berbeza agama di negara ini, diikuti 35.8% responden menyatakan keamanan antara penganut agama yang berbeza berada di tahap sederhana.
- Keseluruhannya, 55.3% responden menyatakan tahap penerimaan dalam kalangan penganut yang berbeza agama berada pada tahap yang tinggi, diikuti sebanyak 42% responden menyatakan tahap penerimaan mereka terhadap penganut agama berbeza pada tahap sederhana.
- Keseluruhannya, 50.5% responden mempunyai tahap persefahaman yang tinggi antara penganut agama yang berbeza, diikuti sebanyak 46% responden berada pada tahap sederhana.

- d) Majoriti responden menyatakan tahap kerjasama antara penganut agama berbeza pada tahap yang tinggi sebanyak 53.5%. Manakala sebanyak 42.8% responden menyatakan tahap kerjasama antara penganut berbeza agama berada di tahap sederhana.
- e) Majoriti responden berpuas hati dengan tahap hak dan keadilan dalam kalangan penganut berbeza agama, iaitu sebanyak 64.8%, diikuti 32% responden menyatakan tahap hak dan keadilan berada pada kedudukan sederhana.
- f) Secara keseluruhannya, majoriti responden menyatakan tahap konflik dalam kalangan penganut agama berbeza berada pada tahap rendah iaitu sebanyak 59.8%, diikuti 36% responden menyatakan tahap konflik dalam kalangan penganut agama berbeza berada di tahap sederhana.

### 7.3 Indeks Keharmonian Sosio-Agama

**Jadual 8: Indeks Keharmonian Sosio-Agama**

Tahap	%
5	18.3
<b>4</b>	<b>56.0</b>
3	23.3
2	2.5
1	-
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>

Secara keseluruhan, agregat Indeks Keharmonian Sosio-Agama di Malaysia yang diukur melalui kajian ini adalah berada di tahap 3.9 (Diukur melalui skala Tahap 1 hingga Tahap 5. Tahap 1 indeks merujuk kepada keadaan keharmonian yang rendah manakala Tahap 5 merujuk kepada keadaan keharmonian paling tinggi). Kesimpulannya, dapatkan kajian menjelaskan keadaan keharmonian sosio-agama di Malaysia berada di tahap yang amat baik.

## 8.0 Kesimpulan dan Cadangan

Kajian Pembinaan Instrumen Indeks Keharmonian Sosio-Agama ini amat penting kerana ia membantu kepada menghasilkan satu indeks yang dapat mengukur keadaan hubungan antara penganut agama di Malaysia. Sebagai sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai agama, bangsa dan budaya, indeks ini mampu menjadi antara instrumen yang boleh digunakan sebagai rujukan suhu keharmonian masyarakat dalam pelbagai domain. Enam domain utama yang diukur dalam indeks ini mencerminkan dimensi-dimensi utama yang perlu diberi perhatian oleh pemegang taruh yang berkaitan seperti penggubal dasar, pemimpin-pemimpin masyarakat, ketua-ketua agama dan masyarakat sivil secara keseluruhan.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa perlunya kepada usaha-usaha bersepadau antara kerajaan dan masyarakat secara keseluruhan dalam memperbaiki keadaan harmoni masyarakat pelbagai agama di Malaysia. Sikap prejedis dan kurang persefahaman antara kelompok berbeza dalam masyarakat akan menyukarkan proses perpaduan dan integrasi nasional. Justeru, adalah penting tahap keharmonian sosio agama masyarakat sentiasa diukur dan dijadikan rujukan oleh pelbagai pihak dalam negara. Bagi memastikan objektif perpaduan dan keharmonian antara masyarakat pelbagai agama dapat dicapai, kajian ini mencadangkan beberapa syor kepada pihak yang berkenaan:

- a) Semua jabatan kerajaan berkaitan seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) meningkatkan lagi usaha penyuburan elemen-elemen perpaduan seperti pembinaan persefahaman dan sikap saling hormat-menghormati antara masyarakat pelbagai agama. Sebagai contoh, usaha penyuburan elemen ini boleh dijalankan melalui penyediaan teks khutbah Jumaat oleh JAKIM dan juga melalui inisiatif Rukun Tetangga oleh PERPADUAN.

- b) Mencadangkan agar pemimpin-pemimpin agama mengambil inisiatif menjelaskan kepada kelompok masing-masing tentang pentingnya perpaduan dan keharmonian serta nilai-nilai baik dalam agama masing-masing yang dapat membantu ke arah merealisasikan matlamat ini.
- c) Mencadangkan aspek kesederhanaan dalam pemikiran dan tindakan dalam kalangan penganut agama diberi penekanan agar masyarakat memahami pentingnya perkara ini kepada pembinaan keharmonian dan perpaduan dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia.
- d) Pengukuran indeks ini digunakan oleh penggubal dasar secara berterusan agar ianya menjadi satu rujukan kepada keadaan harmoni sosio-agama di Malaysia. Dengan itu, dicadangkan agar instrumen indeks ini digunakan oleh jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan dengan lebih meluas agar satu Indeks Keharmonian Sosio-Agama di Malaysia yang lebih komprehensif dapat dihasilkan.

## Rujukan

Ahmad Tarmizi Talib, Jayum A. Jawan, Zaid Ahmad, Sarjit S. Gill, Abd Hakim Mohad, Fatahyah Yahya, N. A. M. I. (2013). *Toleransi Sosio Agama di Sabah dan Sarawak*.

Ishak Saat. (2009). *Malaysia 1945-2000. Siri Pengajian Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.

Ishak Saat. (2010). Caturan Politik Pelbagai Kaum Di Tanah Melayu 1946-1957. *Jebat*, 37: 68 - 85.

Jaffary, A. (2003). Toleransi agama dan perpaduan kaum: Response intelek Malaysia -Satu observasi ringkas. (A. Jaffary, Ed.) *Agama dan perpaduan kaum di Malaysia. Bangi, Selangor*: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, Bil 27 (2008) 81-92.

Mohamed. (1971). *Religious Toleration in Sabah*. Mujahid Yusof Rawa. (2013, Oktober 23). Sang Aktor Pemimpin Isu ‘Allah’. Malaysiakini, Diambil daripada <http://www.malaysiakini.com/news/244606>

Mohd Farhan Darwis. (21. Februari 2012). “*Pak Lah: Garis Panduan Interaksi Agama Sangat Perlu*”. Diambil daripada <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pak-lah-garis-panduan-interaksi-agama-sangat-perlu> pada 11 Oktober 2012. Diakses pada 2 Oktober 2013.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. (2011). Dialog agama: Realiti dan prospek di Malaysia. *Kajian Malaysia*, Vol. 29, No.2, 91-110.

Shamsul Amri Baharuddin. (2007). Modul Hubungan Etnik. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Shamsul Amri Baharuddin. (2012). Modul Hubungan Etnik. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zaid Ahmad. (2003). Euphoria of Diversity: Islam and Religious Coexistence in Post Independence Malaysia In Y. Harun (Ed.), *Malaysia Papers on Development, Religion and Politics*. Wellington: Victoria University of Wellington.

Zaid Ahmad. (2007). Multiculturalism and Religio-Ethnic Plurality; The Malaysian Experience.

Zaid Ahmad. (2010). Pengenalan Hubungan Etnik di Malaysia Secara Umum. Dalam *Hubungan Etnik di Malaysia*. Suntingan Zaid Ahmad et al. (Edisi Kedua). Oxford Fajar: Shah Alam.



# **KAJIAN BERASASKAN PENGALAMAN: PENGASASAN KEJIRANAN KOMUNITI BANDAR, KESEPADUAN SOSIAL DAN KUALITI KEHIDUPAN**

**Penyelidik:**

**Datuk Dr. Denison Jayasooria  
James Ryan Raj**

**KAJIAN BERASASKAN PENGALAMAN:  
PENGASASAN KEJIRANAN KOMUNITI BANDAR,  
KESEPADUAN SOSIAL DAN KUALITI KEHIDUPAN**

Datuk Dr. Denison Jayasooria  
James Ryan Raj

**ABSTRAK**

Kehidupan seharian di kawasan perumahan flat cukup mencabar. Lazimnya, kehidupan yang padat dengan ruang privasi yang terhad menyebabkan masalah seperti tekanan emosi yang tinggi. Keadaan bertambah buruk dengan kemudahan infrastruktur yang lemah, masalah kebersihan, kemiskinan bandar serta isu keselamatan yang amat membimbangkan. Dalam situasi ini, penglibatan para belia tempatan dalam gejala sosial seperti jenayah, penyalahgunaan dadah dan kecurian di kawasan flat kian meningkat. Sehubungan itu, satu kajian fokus telah dikendalikan di 25 kawasan kejiranan daripada 10 buah negeri di Semenanjung Malaysia. Kajian ini dapat menggambarkan ciri-ciri dan latar belakang kejiranan yang terlibat dari aspek demografi, sejarah kejiranan, komposisi ahli jawatankuasa Rukun Tetangga, masalah-masalah yang dihadapi dan cadangan aktiviti-aktiviti untuk mengatasi masalah-masalah yang sedia wujud. Seterusnya, kajian ini juga dapat menilai aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Hasil kajian mendapati bahawa kepimpinan yang berdedikasi dan berpegang teguh terhadap kepelbagaian dalam komuniti adalah amat penting. Ini kerana penerimaan kepelbagaian dalam komuniti telah menjadi asas perpaduan yang telah merintis kepada pemantapan sosial serta kemakmuran di kawasan kejiranan. Bagi meningkatkan usaha ini, pelaksanaan Program Sayangi Komuniti (PSK) yang efisien adalah amat penting. Dengan menilai peranan kepimpinan tempatan, laporan kajian kejiranan ini telah mencadangkan beberapa strategi bagi meningkatkan kapasiti kejiranan. Antaranya, membina kepimpinan di peringkat akar umbi yang menumpukan kepada pembangunan penduduk, mewujudkan sistem pengurusan kejiranan yang menyeluruh, memperkasakan penyampaian program PSK dan membina kapasiti PSK melalui Latihan Pengukuhan Kejiranan yang berterusan. Usaha sedemikian pasti akan membina kapasiti pemimpin tempatan yang berupaya menjamin keharmonian kejiranan dan meningkatkan kualiti hidup golongan yang berpendapatan rendah dalam kalangan penduduk yang berbilang kaum dan agama.

## Pendahuluan

Proses modenisasi yang pesat telah membawa kepada pembangunan industri berasaskan perkilangan atau pembuatan di kawasan bandar. Pembangunan sektor industri tersebut telah menjamin pendapatan yang kekal dan lumayan berbanding dengan sektor pertanian dan perladangan.

Senario ini secara langsung telah menggalakkan migrasi penduduk dari pedalaman dan ladang secara besaran ke kawasan bandar demi menikmati kualiti hidup yang baik. Dasar perindustrian negara tersebut telah memberi kesan positif kepada pengurangan kadar kemiskinan penduduk dan kemajuan pembangunan negara.

Walaupun perpindahan ini memberi kesan positif dari aspek ekonomi, tetapi kerajaan menghadapi masalah perumahan di kawasan bandar. Justeru itu, kerajaan telah membuka ruang untuk membina rumah kos rendah bertenagakat khas bagi penduduk bandar yang berpendapatan rendah. Keadaan ini menyebabkan rumah flat dibina dan masyarakat hidup dengan keadaan padat di sesuatu kawasan.

Seterusnya, kadar inflasi yang tinggi dan pendapatan rakyat yang minimum telah mengakibatkan mereka di antara golongan miskin bandar yang tertekan dari aspek emosi, kewangan dan menghadapi isu keselamatan di kawasan flat yang didiami.

Berdasarkan peralihan ini, ia telah menambah lagi bebanan kepada golongan masyarakat yang dahulunya hidup dengan tenang dan tanpa tekanan di kampung dan estet. Masyarakat kini menghadapi cabaran untuk mencari peluang bagi menampung perbelanjaan hidup sehari-hari yang semakin tinggi.

Proses urbanisasi dan kehidupan yang sibuk serta jumlah penduduk yang padat di perumahan flat telah mengubah struktur sosial penduduk. Semangat kekitaan dan kehidupan berkomuniti yang amat menebal suatu ketika dahulu kian meluntur dalam kalangan komuniti flat di bandar.

Dalam konteks sosial, struktur masyarakat tradisional seperti sokongan dan sistem kawalan sosial semakin longgar dan pembentukan komuniti yang hidup tanpa mengenal jiran kian meningkat (**cubical life**).

Scenario ini menggambarkan keperluan inisiatif yang mampan untuk mengembalikan struktur sosial asal komuniti bandar yang hidup di perumahan flat.

### Kajian Awal

Kajian awal oleh Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (KITA-UKM) 2012-2013 adalah untuk memahami cabaran hidup komuniti di bandar, khasnya di perumahan flat. Kajian awal ini didapati perlunya penekanan usaha kolektif di antara agensi kerajaan dan pemimpin tempatan untuk membina semula semangat perpaduan dan kekitaan.

Hasil kajian tersebut, maka lahirnya Program Sayangi Komuniti (PSK) dengan kerjasama KITA-UKM dan JPNIN. Inisiatif PSK menumpukan kepada pengukuhan perpaduan dan semangat kekitaan dalam kehidupan kejiranan daripada pelbagai kaum.

### Objektif Kajian

- i. Melawat 25 kawasan kejiranan B40 dan mendokumentasikan isu dan masalah kejiranan serta mencari jalan penyelesaian secara kolektif.
- ii. Memberi semangat dan dorongan kepada kepimpinan kejiranan untuk mendekati isu dan masalah kejiranan secara efisien di peringkat akar umbi.
- iii. Menyediakan satu pelan pengurusan PSK yang sistematik bagi memudahkan pengendalian program semasa dan pada masa akan datang apabila PSK diperluaskan sehingga tahun 2020.

## Metodologi

Reka bentuk kajian ini melibatkan gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah pertama yang digunakan adalah mengedarkan soalan profil untuk memahami 25 kawasan kejiranan dari aspek sejarah, demografi, isu dan masalah serta cadangan dan tindakan. Kaedah kedua adalah memerhati suasana kawasan dari segi kebersihan, sistem pembuangan sampah, keadaan unit rumah, tempat parkir dan fasiliti lain di kejiranan tersebut. Seterusnya, perbincangan dua hala dan temu ramah bersemuka bersama ketua-ketua kejiranan utama dilaksanakan. Dengan kebenaran JPNIN, pihak penyelidik mengkaji laporan pelaksanaan aktiviti PSK bagi 25 kejiranan yang telah menerima peruntukan bagi tahun 2016. Langkah ini membantu para penyelidik KITA-UKM untuk menilai impak aktiviti yang berjaya dilaksanakan pada tahun tersebut.

## Penemuan Kajian

### Kawasan Kejiranan

Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan 25 kawasan kejiranan daripada 10 buah negeri. Bagi memudahkan laporan, kesemua kejiranan tersebut dibahagikan mengikut 4 zon utama. Zon utama tersebut adalah 5 kejiranan di zon utara, 12 kejiranan di zon tengah, 3 kejiranan di zon timur dan 5 kejiranan di zon selatan. Kajian keberkesanan ini, tertumpu kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan PSK dalam tahun 2016. Jadual 1 - menyatakan jumlah kawasan kejiranan yang terlibat mengikut negeri. Didapati jumlah kejiranan yang tertinggi menyertai program PSK adalah di Lembah Klang iaitu sebanyak 12 kejiranan. Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan melibatkan 6 kejiranan bagi setiap negeri. Ini adalah kerana, kedua-dua negeri ini mengalami proses urbanisasi yang pesat pada tahun 1970-an dan menerima migrasi penduduk dari luar bandar yang amat tinggi.

### Jadual 1: Kawasan Kejiranan Mengikut Negeri

Negeri	Kejiranan	Peratus (%)
Kedah	2	8
Pulau Pinang	2	8
Perak	1	4
Selangor	6	24
Wilayah Persekutuan	6	24
Terengganu	2	8
Pahang	1	4
Melaka	1	4
Negeri Sembilan	2	8
Johor	2	8
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>100</b>

KITA-UKM 6/9/17

Laporan kajian manyatakan bahawa, kawasan kejiranan terlibat mempunyai pelbagai jenis rumah kediaman dan ia boleh dikategorikan kepada 3 jenis utama. Antaranya, rumah flat bertingkat, rumah teres (**grounded property**) dan rumah setinggan. Seterusnya, rumah teres pula terdiri daripada rumah kos rendah dan sederhana. Pecahan mengikut jenis rumah dinyatakan dalam Jadual 2.

Kajian mendapati status pemilikan rumah peserta di kejiranan adalah berbeza, iaitu rumah jenis sewa daripada kerajaan tempatan dan negeri, rumah milik sendiri dan rumah di atas Tapak Pendudukan Sementara (TOL). Dari segi pemilikan rumah juga mempamerkan tingkah laku penduduk. Misalnya, penduduk yang memiliki rumah sendiri mempunyai perasaan hak milik (**ownership**) amat tinggi berbanding dengan penyewa rumah. Selain itu, didapati sikap sivik terhadap kepentingan sama seperti menjaga kebersihan dan kemakmuran amat kurang dalam kalangan penduduk rumah sewa dan tapak pemilikan sementara.

### Jadual 2: Jenis Kediaman

Jenis Kediaman	Jumlah	Peratus %
Flat bertingkat 4-21	20	80
Rumah teres (rumah teres kos rendah dan sederhana)	4	16
Setinggan	1	4
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>100</b>

KITA- UKM 6/9/17

Jadual 2 menunjukkan jumlah jenis kediaman yang tertinggi adalah rumah flat iaitu sebanyak 20 buah. Daripada jumlah ini sebanyak 12 buah rumah kediaman flat adalah dari kejiranan di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Manakala bakinya, sebanyak 8 buah rumah kediaman flat adalah dari negeri Kedah, Perak, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Seterusnya, didapati sebanyak 4 buah rumah kediaman teres adalah dari kejiranan negeri Pulau Pinang, Kuantan dan Negeri Sembilan. Ini diikuti dengan jenis kejiranan yang mempunyai sebuah rumah setinggan di Pulau Pinang.

### Sejarah

Pembangunan di setiap kejiranan mempunyai sejarah asal usulnya sendiri sama ada dari aspek penubuhan, pembangunan kejiranan dan proses penghijrahan penduduk daripada setinggan, rumah panjang, kampung serta ladang. Sejarah penduduk ini adalah amat penting dalam inisiatif perancangan Pembangunan Lestari Kerajaan (**sustainable development**). Asal-usul kejiranan memudahkan penduduk untuk menikmati pembangunan yang menyeluruh dan membentuk sikap kekitaan dan kesepaduan sosial.

Hasil kajian ini mendapati bahawa, sejarah penubuhan sistem kejiranan terlibat bermula dari tahun 60-an sehingga tahun 2000 (sila rujuk Jadual 3). Kebanyakan kawasan kejiranan yang dahulunya adalah ladang dan telah dijual kepada pemaju untuk memberi ruang kepada pembangunan dan urbanisasi.

**Jadual 3: Jangka Masa Penubuhan dan Pembangunan Kawasan Kejiranan**

1960	1970	1980	1990	2000	Jumlah
KP14	KP4, KP12 & KP13	KP5, KP16, KP19, KP20 & KP21	KP1, KP2, KP8 & KP18	KP3, KP6, KP7, KP8, KP10, KP15, KP16, KP17, KP24 & KP25	
1	3	5	4	10	23
4.3%	13%	22%	17.3%	43.4%	100%

KITA- UKM 6/9/17

N=23 dan baki 2 kejiranan asal usulnya tidak jelas

Walaupun proses migrasi telah bermula pada tahun 60-an, namun negara menghadapi proses migrasi secara besar-besaran bermula dari tahun 70-an. Tambahan lagi, selepas kerajaan mengamalkan Dasar Ekonomi Baru (NEP). Jadual 3 menunjukkan sebanyak 95 peratus migrasi penduduk adalah dari tahun 1970 hingga 2000. Seterusnya, kajian mendapati bahawa penempatan penduduk yang paling tinggi berlaku pada tahun 2000 (43%) khususnya di kawasan bandar.

Pemindahan dan penempatan penduduk yang pesat ke bandar ditambah dengan peningkatan kos sara hidup berpunca dari peningkatan harga runcit. Keadaan ini secara langsung telah menyebabkan peningkatan 40 peratus golongan terbawah (**Bottom 40**). Kesibukan bagi memenuhi kos sara hidup yang tinggi juga menyebabkan para penduduk kejiranan di bandar tidak memberi keutamaan terhadap nilai-nilai kehidupan seperti kekitaan, saling bantu-membantu dan mengenali antara satu sama lain.

Sejarah penubuhan dan pembangunan kesemua kejiranan yang terlibat boleh dibahagikan kepada dua senario. Senario pertama adalah akibat dari proses urbanisasi di mana penduduk berpindah dari luar bandar ke bandar demi menikmati pendapatan yang lebih lumayan. Senario seterusnya adalah akibat daripada penempatan semula. Antara contoh termasuklah Kampung Baru Cina, Kampung Baru Melayu dan Estet. Contoh lain adalah kejiranan di Changkat, Seberang Perai di mana kehidupan tradisional perkampungan masih dikekalkan dengan nilai-nilai kehidupan yang tinggi. Di kejiranan Changkat, Seberang Perai masih

terdapat Kampung Baru Cina, Kampung Melayu dan Estet. Penduduk di kejiranannya hidup di perkarangan rumah yang luas dengan gaya hidup selesa dan masyarakatnya adalah lebih teratur, bersatu padu dan semangat kekitaan yang tinggi berbanding dengan masyarakat di perumahan flat yang padat dan sesak dengan serba kekurangan dan bersikap individualistik.

## **Demografi**

Jumlah populasi penduduk di semua 25 kejiranannya adalah seramai 68,245 orang. Daripada jumlah ini, kaum Melayu mewakili komposisi yang tertinggi iaitu 44,908 orang (65.84%). Komposisi kaum kedua tertinggi adalah kaum Cina yang mewakili sebanyak 14.4 peratus. Ini diikuti dengan kaum India sebanyak 13.9 peratus, manakala suku kaum lain terdiri daripada masyarakat Siam, Sabah dan Sarawak yang mewakili sebanyak 1 peratus. Bakinya, 4.9 peratus penduduk adalah terdiri daripada warga asing. Sila rujuk Jadual 4.

**Jadual 4: Komposisi Penduduk**

Kumpulan Etnik	Komposisi	Peratus (%)
Melayu	44,908	65.8
Cina	9,831	14.4
India	9,514	13.9
Lain-lain	610	1
Warga Asing	3,382	4.9
<b>Jumlah</b>	<b>68,245</b>	<b>100</b>

KITA- UKM 6/9/17

Secara keseluruhannya, sebanyak 27,967 unit rumah di 25 kejiranannya yang terlibat. Daripada jumlah tersebut, kaum Melayu mendiami sebanyak 18,786 unit rumah, diikuti dengan kaum Cina sebanyak 4,688 unit rumah, kaum India sebanyak 2,590 unit rumah, kumpulan lain-lain sebanyak 157 unit rumah dan warga asing sebanyak 1,436 unit rumah. Bagi selebihnya pula, sebanyak 310 buah rumah dilaporkan tidak didiami ataupun kosong. Sila rujuk Jadual 5.

## Trend Demografi dan Implikasi - 'Disaggregated Data'

Memahami aspek 'Disaggregated Data'; Trend Demografi dan Implikasi Demografi iaitu kawasan kejiranan yang mempunyai penduduk kaum India dari 15%-51% dan kaum Cina dari 28%-45%. Sebagai contoh, kaum India di KP4 (Kg. Baru Kuala Perai, Bagan Dalam) dan KP14 (Rumah Pangsa Hang Tuah) masing-masing sebanyak 1000 orang dan 595 orang. Antara lain ialah kaum Cina di KP2 (Taman Setia Jaya, Alor Setar dan KP20 (Bandar Jerteh, Terengganu) masing-masing sebanyak 1400 orang dan 1200 orang. Memahami trend demografi ini, aspek perancangan aktiviti, pembangunan infra, ekonomi, pengagihan dana serta penduduk berbilang kaum (India dan Cina) mestilah diberi pengagihan sewajarnya dan perhatian khas di peringkat akar umbi.

**Jadual 5: Komposisi Pemilikan Unit Rumah**

Kumpulan Etnik	Komposisi	Peratus (%)
Melayu	18,786	67
Cina	4,688	17
India	2,590	9
Lain-Lain	157	1
Warga Asing	1,436	5
Kosong	310	1
<b>Jumlah</b>	<b>27,967</b>	<b>100</b>

KITA- UKM 6/9/17

Kehadiran warga asing di kawasan kejiranan khasnya di Lembah Klang agak tinggi disebabkan lokasi berdekatan dengan kilang-kilang perindustrian. Majikan menyewakan rumahnya kepada warga asing sehingga kontrak pekerjaan penyewanya tamat. Para penyelidik juga menilai kawasan kejiranan yang diduduki oleh mono-etnik dan multi-etnik dalam konteks semangat perpaduan dan kesepadan sosial melalui penglibatan komuniti berbilang kaum dalam program dan juga interaksi komuniti. Sila rujuk Jadual 6. Mono-etnik merangkumi penduduk satu kaum contohnya bagi KP12 di Pangaspuri 17 Tingkat, WP dan KP21 di RAKR Bukit Kuang, Kemaman, Terengganu dimana 100% didiami oleh kaum Melayu. Multi-etnik pula merangkumi penduduk lebih dari satu kaum. Sebagai contoh, sesetengah kawasan kejiranan merangkumi penduduk kaum Cina dan India melebihi daripada 50% dan juga ada kawasan penduduk yang kurang dari 50%. Sila rujuk Jadual 7.

**Jadual 6: Jumlah Kawasan Kejiranan Yang Terdiri Daripada Mono dan Multi- Etnik**

Kejiranan Multi-Etnik	Kejiranan Mono-Etnik	Jumlah	Peratus %
23	2	25	
92%	8%		100

KITA- UKM 6/9/17

**Jadual 7: Populasi Penduduk Mengikut Pecahan Etnik**

Populasi	Melayu	%	Cina	%	India	%
0-100	-	-	8	32	7	28
101-200	-	-	4	16	4	16
201-300	-	-	2	8	3	12
301-400	-	-	1	4	1	4
401-500	3	12	1	4	1	4
501-1000	5	20	7	28	8	32
1000 >	17	68	2	8	1	4
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>100</b>	<b>25</b>	<b>100</b>	<b>25</b>	<b>100</b>

KITA- UKM 6/9/17

Jadual 6 dan 7 jelas menerangkan mengenai konsentrasi penduduk kaum Melayu adalah paling tinggi di semua kejiranan. Sebanyak 68% penduduk kaum Melayu mendiami di kejiranan yang mempunyai populasi melebihi 1000 orang. Pada masa yang sama, kaum Cina dan India masing-masing hanya merangkumi 8% dan 4% dan mendiami di kejiranan yang mempunyai populasi kurang 1000 orang. Seterusnya, populasi kejiranan yang kecil iaitu populasinya kurang dari 0-100 orang kebiasaannya diduduki majarotinya oleh kaum Cina dan India, masing-masing mewakili sebanyak 32% dan 28%. Penduduk kaum Melayu hanya dapat dilihat pada kejiranan yang mempunyai populasi melebihi 401 orang.

Daripada pemerhatian kajian demografi, walaupun sesuatu komuniti amat rendah dari aspek komposisi, namun mereka boleh memainkan peranan penting dalam pembangunan komuniti dari aspek memupuk kesejahteraan dan kemakmuran. Dari perspektif ini juga, boleh dikatakan bahawa masalah sosial berpunca dari sesebuah komuniti tidak seharusnya dipandang serong malah boleh diselesaikan secara kolektif.

### **Jawatankuasa Rukun Tetangga (JKRT)**

Kesemua kejiranan mempunyai Jawatankuasa Rukun Tetangga (JKRT) bagi menyeleraskan aktiviti kemasyarakatan dan menerima aduan penduduk. Jawatankuasa ini biasanya mengadakan mesyuarat untuk membincangkan masalah dan aduan yang diterima serta mencari jalan penyelesaian secara kolektif. Bagi menyelesaikan masalah tempatan, jawatankuasa tempatan tersebut akan melibatkan agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Peranan jawatankuasa tempatan sedemikian adalah sebagai mediator di antara penduduk dan agensi kerajaan bagi membolehkan penduduk mempertengahkan masalah mereka dan menambahbaikan kesejahteraan hidup.

JKRT biasanya mempunyai ahli seramai 8 hingga 32 orang. Struktur JKRT adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Jiran Muda, Jiran Wanita dan ahli biasa. Secara keseluruhannya, di 25 kawasan kejiranan PSK terdapat seramai 425 Ahli Jawatankuasa yang aktif. Dari jumlah ini, seramai 162 (38%) adalah diwakili kaum wanita dan seramai 263 (62%) adalah terdiri daripada kaum lelaki. Sila rujuk Jadual 8 dan Lampiran 7.

#### **Jadual 8: Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga (JKRT)**

##### **Mengikut Kaum**

<b>Melayu</b>	<b>Cina</b>	<b>India</b>	<b>Jumlah</b>
319	66	38	<b>425</b>
75%	16%	9%	<b>100%</b>

KITA- UKM 6/9/17

### Jadual 9: Penglibatan Wanita di JKRT

Lelaki	Wanita	Jumlah
263	162	<b>425</b>
62%	38%	<b>100%</b>
KITA- UKM 6/9/17		

Jadual 9 menunjukkan penglibatan wanita secara keseluruhan dalam JKRT di 25 kawasan kejiranan adalah amat baik. Keadaan ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa kaum wanita diberi kepentingan dan didorong untuk bergiat aktif dalam kepimpinan tempatan serta mengambil keputusan dalam menyelesaikan masalah komuniti kejiranan. Sebagai contoh, di kejiranan Kg Baru Kuala Perai, Butterworth (KP4), di Bukit Bangsar/Sri Pahang (KP13) dan di Rumah Pangsa Lereh, Melaka (KP18) mempunyai perwakilan wanita yang tinggi dalam JKRT.

Tiga faktor utama komposisi jawatankuasa yang efektif adalah penglibatan jantina yang lebih adil, penglibatan belia diberi dorongan dan terdapat penglibatan dari pelbagai etnik. Sila rujuk Lampiran 8 untuk keterangan yang lebih terperinci. Walaubagaimanapun, para penyelidik mencadangkan agar bilangan penyertaan dari kaum Cina dan India dalam JKRT harus dipertingkatkan dari masa ke masa.

Misalnya, kejiranan di Kuala Perai mempunyai populasi kaum India sebanyak 51.8% ataupun seramai 1000 orang, tetapi wakil kaum India dalam JKRT adalah hanya 25% ataupun 2 orang ahli sahaja. Manakala di kejiranan Kangkar Pulai, Johor populasi kaum Cina adalah seramai 42% ataupun seramai 930 orang, tetapi wakil Cina dalam JKRT adalah sifar.

Dalam senario yang berlainan, penglibatan kaum Cina di 3 kawasan kejiranan adalah amat tinggi, contohnya di kejiranan Treacher, Ipoh perwakilan dari kaum Cina dalam JKRT adalah sebanyak 63%, di kejiranan Pekan Lukut, PD sebanyak 72% dan di kejiranan Besut adalah sebanyak 43%. Seterusnya, hanya di satu kawasan kejiranan terdapat penglibatan wakil dari kaum India tertinggi iaitu di kejiranan Hang Tuah yang mempunyai penyertaan sebanyak 61%.

Selain itu, di dua kawasan kejiranan di Lembah Klang iaitu di Hiliran Ampang dan Bangsar mempunyai 100% perwakilan dari kaum Melayu dan penyertaan kaum Cina dan India adalah sifar, walaupun penduduk India dan Cina di kejiranan tersebut masing-masing seramai 5% dan 21%. Kesimpulannya, usaha perlu dipertingkatkan lagi bagi merangsangkan penglibatan kaum India dan Cina di JKRT untuk menyuarakan pandangan dan keperluan kumpulan etnik ini berlandaskan pembangunan inklusif.

### Isu dan Masalah

Sebanyak 8 kategori utama dan 30 sub kategori isu dan masalah telah dikenal pasti untuk kajian ini. Lapan (8) kategori utama tersebut adalah Gejala Sosial, Jenayah, Infrastruktur, Integrasi Nasional, Keselamatan, Kemiskinan Bandar, Kesihatan dan Alam Sekitar dan Seksual. Isu dan masalah ini telah di kemukakan oleh penduduk di 25 kawasan kejiranan dan sejumlah 119 isu dan masalah telah direkodkan. Daripada pemerhatian kajian ini, kumpulan penyelidik telah kategorikan 6 isu dan masalah yang paling ketara dilaporkan di hampir 25 kejiranan (Jadual 10).

**Jadual 10: Isu dan Masalah Utama Kejiranan**

Isu dan Masalah	Jumlah Aduan	Peratus %
Gejala Sosial	46	37
Infrastruktur	19	16
Jenayah	16	13
Kesihatan dan Alam Sekitar: Kebersihan/Pembuangan Sampah	14	12
Kemiskinan Bandar	12	10
Keselamatan	6	5
Integrasi Nasional	3	3
Seksual	3	3
<b>Jumlah</b>	<b>119</b>	<b>100</b>

KITA- UKM 6/9/17

## Infrastruktur

Masalah infrastruktur yang dimaksudkan di sini termasuklah pengurusan dan penyelenggaraan bangunan yang tidak baik, masalah lif rosak, kekurangan tempat meletakkan kereta, jalan berlubang, longkang pecah, tiada kemudahan bangunan untuk aktiviti komuniti dan penempatan rumah yang tidak teratur. Sebanyak 19 aduan telah dilaporkan. Hal ini membebankan dan memberikan kebimbangan kepada penduduk yang hampir setiap hari dibelenggu dengan masalah tersebut tanpa penyelesaian yang berkesan. Masalah infrastruktur yang paling ketara hampir di kesemua kawasan kejiranannya ialah masalah pengurusan dan penyelenggaraan bangunan yang tidak baik serta masalah kerosakan lif.

Kesimpulannya, masalah ini perlu diberi perhatian dan tindakan proaktif daripada semua pihak khususnya, Pengurusan JMB, Kerajaan Tempatan, Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan masyarakat setempat. Oleh yang demikian, kemudahan dan infrastruktur yang baik juga dipacu kepada masyarakat untuk memperoleh kualiti hidup yang baik.

## Gejala Sosial

Pemerhatian mengenai isu gejala sosial adalah satu isu yang membimbangkan hampir di kesemua kawasan kejiranannya. Menurut maklumat yang diperolehi, sebanyak 37% adalah aduan mengenai gejala sosial dan isu penyalahgunaan dadah adalah yang paling ketara hampir di kesemua kawasan kejiranannya yang melaporkan. Masalah ini menunjukkan kebimbangan yang serius dan dalam hal ini, masalah dadah menimbulkan rasa takut dan tidak selamat di kalangan penduduk. Namun begitu, menurut JKRT beberapa inisiatif proaktif di kawasan kejiranannya tersebut sedang diambil untuk membendung masalah dadah. Antaranya termasuklah memperbanyakkan rondaan SRS, operasi mengejut kerjasama antara polis dan AADK serta Program Jati Diri Remaja.

## Jenayah

Didapati dari segi aspek jenayah, kes kecurian motor dan kereta adalah satu isu yang serius dan perlu diberi perhatian oleh badan penguatkuasa khususnya Majlis Perbandaran dan juga pemantauan dari pihak polis. Sebanyak 16 kes kecurian motor dan kereta telah dilaporkan. Parkir motor dan kereta perlu dipastikan mencukupi, lampu jalan berhampiran dengan parkir mencukupi dan terang serta kemudahan motorsikal kunci berpalang juga harus disediakan. Tambahan lagi, pemantauan polis perlu ditingkatkan jika tempat kejiranan adalah *hotspot* kejadian kecurian tersebut.

## Kesihatan dan Alam Sekitar

Perbincangan mengenai masalah kebersihan juga adalah satu masalah yang serius disebabkan oleh kekurangan kesedaran sivik dikalangan penduduk. Pembuangan sampah yang tidak teratur menyebabkan kemudaratan pada alam sekitar di kawasan kejiranan tersebut. Hal ini juga telah menyebabkan peningkatan kes Denggi hampir di kesemua kawasan kejiranan. Sebanyak 14 aduan yang telah dilaporkan. Masalah yang sering kali dikaitkan dengan sampah adalah kekurangan tong pembuangan sampah, sampah cepat penuh dan pembersihan adalah satu masalah sehingga menyebabkan pembiakan lalat dan tikus di luar kawalan dan juga bau yang tidak menyenangkan. Masalah ini perlu ditangani dengan kerjasama kerajaan tempatan bersama dengan penduduk dan KRT untuk terus memberi kesedaran akan pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar dan juga memperkenalkan inisiatif yang kreatif dan proaktif, sebagai contohnya Pertandingan Anugerah Kejiranan yang Indah.

## Kemiskinan Bandar

Masalah kemiskinan bandar yang dimaksudkan di sini termasuklah ibu tunggal, sijil kelahiran, berpendapatan rendah, bantuan perniagaan dan bantuan pendidikan. Daripada 25 kawasan kejiranan, 8 kawasan kejiranan memerlukan bantuan peningkatan sosio-ekonomi. Hal ini memerlukan penglibatan agensi kerajaan seperti badan kebajikan, Kementerian Pendidikan, TEKUN Nasional dan pihak Kerajaan Negeri untuk membantu penduduk menangani masalah ini serta meningkatkan taraf hidup mereka. Sebanyak 12 kes telah dirujuk untuk bantuan dan sesi kaunseling.

## Seksual

Isu seksual yang dimaksudkan di sini adalah gangguan seksual, khalwat dan sumbang mahram. Masalah ini tidak dilaporkan di semua kejiranan tetapi hanya 2 kawasan kejiranan sahaja melaporkan isu ini.

Sebagai rujukan, **Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 10.1** memberi penekanan agar usaha untuk mencapai peningkatan pendapatan isi keluarga golongan 40 terbawah (**B40**) yang tinggi dari purata nasional. Sehubungan dengan itu, agenda SDG adalah tiada siapa dipinggirkan dan haruslah diperjuangkan supaya jurang ketaksamaan dapat dirapatkan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri dan agensi kerajaan pusat haruslah memberi tumpuan yang khusus kepada golongan ini supaya kualiti hidup mereka dapat dipertingkatkan.

## Cadangan Aktiviti Untuk Menangani Isu dan Masalah

Selaras dengan isu dan masalah yang dikemukakan, pihak KRT di kawasan kejiranan juga mencadangkan beberapa tindakan dan aktiviti sebagai antidot kepada masalah setempat. Sebanyak 84 aktiviti dicadangkan di 25 kejiranan diikuti dengan 48 tajuk program sejajar dengan masalah setempat. Sila rujuk Jadual 11. Disamping itu, sebanyak 69 aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016.

**Jadual 11: Jumlah Cadangan Aktiviti dan Tindakan**

<b>Isu dan Masalah</b>	<b>Jumlah Aktiviti</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Aktiviti Sebenar Dilaksanakan</b>
Gejala Sosial	25	18	20
Jenayah	11	2	6
Seksual	1	1	0
Integrasi Nasional	2	2	6
Infrastruktur	11	7	6
Keselamatan	8	4	2
Kemiskinan Bandar	14	11	14
Kesihatan dan Alam Sekitar	12	3	15
<b>Jumlah</b>	<b>84</b>	<b>48</b>	<b>69</b>

KITA- UKM 6/9/17

**Cadangan program mengikut isu dan masalah yang dikemukakan oleh 25 kawasan kejiranan:**

**Gejala Sosial:** Seminar Jati Diri Belia, Program *Jungle Trekking* dan *Treasure Hunt*, mewujudkan tempat khas untuk menconteng, operasi AADK untuk mengurangkan masalah dadah, kerjasama dengan PIBG untuk mengurangkan masalah ponteng sekolah, bengkel membaiki telefon bimbit, kelas tarian, futsal, sepak takraw, Kelab Rukun Negara, Kempen Anti Dadah, Seminar Kenali Remaja, *Explorace* bersama Jabatan Penjara, Program Perkelahan Remaja, ceramah dadah, Program Mahabbah, *Family on Alert* dan Program Pengukuhan Jiran Muda.

**Jenayah:** Rondaan, Kawalan dan Dialog PDRM.

**Seksual:** Kem Sahsiah - Membina Jati Diri Belia.

**Integrasi Nasional:** Ramah Mesra dan Suai Kenal dengan Penduduk dan Dialog dengan BTN.

**Infrastruktur:** Dialog dengan pengurusan bangunan, pemberian pelekat kenderaan, Dialog bersama agensi kerajaan, sewa rumah untuk aktiviti KRT, perjumpaan dengan Majlis Bandaraya, permohonan tanah untuk dewan dan penerangan dasar PBT.

**Keselamatan:** Membuat Laporan Polis, Pemantauan dan Rondaan, Program Kesedaran Keselamatan dan Pemantauan Imigresen.

**Kemiskinan Bandar:** Memberi sumbangan dapur, Kelas Tuisyen, Program memperkasa Ibu Tunggal, Seminar e-Dagang untuk menjana pendapatan keluarga B40, Program Amanita, Majlis dialog Penjaja Persatuan, Ceramah AKPK, Bengkel Usahawan, Program Ziarah Prihatin, Persiapan Peperiksaan dan Program Sepagi Bersama JPN.

**Kesihatan dan Alam Sekitar:** Jom Sihat, Pengambilan pekerja dan Gotong-Royong Perdana.

**Seksual:** Kem Sahsiah.

Secara keseluruhannya, setiap kejiranan mencadangkan sekurang-kurangnya 1 hingga 6 aktiviti dengan harapan isu dan masalah tersebut dapat dikurangkan. Intipati kejayaan dalam melaksanakan tindakan ini adalah bersama menjalinkan jaringan dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Melibatkan agensi yang berkenaan dapat meringankan beban KRT serta menyelesaikan masalah secara kolektif.

### **Program Yang Dilaksanakan dan Dana**

Hasil perbincangan dan perancangan aktiviti untuk menangani isu dan masalah, telah membawa kepada satu perubahan yang boleh dikatakan efektif dan mempunyai ruang untuk penambahbaikan. Kumpulan penyelidik mengkaji maklumat yang disampaikan oleh para pegawai JPNIN negeri melalui satu laporan format pelaksanaan Rukun Tetangga (RT) yang disediakan oleh Ibu Pejabat JPNIN. Dapatan kajian pelaksanaan program adalah mengikut butiran yang dimasukkan dalam laporan tersebut.

**Jadual 12: Aktiviti Yang Dilaksanakan**

<b>Jumlah Aktiviti</b>	<b>Jumlah Peruntukan yang gunakan (RM)</b>	<b>Jumlah Peserta</b>
104	377,498.93	11,843

KITA-UKM 6/9/17

Selaras dengan panduan Program Sayangi Komuniti (PSK), 25 kawasan kejiranan telah melaksanakan sebanyak 104 aktiviti berfokuskan intervensi sosial dengan matlamat mengurangkan gejala sosial, memupuk perpaduan, mengenal pasti isu sebenar penduduk setempat dan penyelesaian, menambahbaik sosio-ekonomi golongan B40 dan mengenal pasti agensi kerajaan dan bukan kerajaan melalui jaringan berkesan dalam menyelesaikan isu penduduk kawasan kejiranan. Seramai 11,843 peserta telah mengikuti aktiviti Program Sayangi Komuniti sepanjang tahun 2016 di 25 kawasan kejiranan dengan peruntukan sebanyak RM377,498.93.

Sebanyak 82% kawasan kejiranan telah melaksanakan aktiviti yang telah dirancang malahan ada kejiranan yang melaksanakan program lebih dari perancangan asalnya. Ini adalah satu petanda dan titik permulaan untuk membentuk perubahan yang holistik dan konsisten. Walau bagaimanapun, persoalannya adakah program yang dirancang konsisten dengan aktiviti yang telah dilaksanakan dan juga menepati isu yang dikenal pasti. Berdasarkan hasil pemerhatian dan dapatan kajian, ianya adalah satu permulaan yang baik walaupun terdapat 50% kejiranan yang tidak mencapai objektif sepenuhnya dari Program Sayangi Komuniti kerana perancangan aktiviti yang kurang selaras dengan isu setempat.

Hasil kajian juga mendapati bahawa kurang penglibatan daripada penduduk berbangsa Cina dan India di hampir kesemua program yang dilaksanakan di kawasan kejiranan kecuali, di kejiranan yang mempunyai bilangan penduduk berbangsa Cina dan India yang tinggi seperti di kejiranan Changkat, Seberang Perai dan Kejiranan Taman Setia, Kedah.

**Jadual 13: Kekerapan Aktiviti yang dilaksanakan di Kawasan Kejiranian**

Kekerapan Aktiviti	Kejiranian	Peratus %
>10	1	4
6-10	6	24
2-5	11	44
1	7	28
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>100</b>

KITA- UKM 6/9/17

Pemerhatian di Jadual 13 menunjukkan kebanyakan kejiranan berjumlah 44% melaksanakan 2 hingga 5 aktiviti manakala 28% kejiranan hanya melaksanakan 1 aktiviti sepanjang tahun. Daripada jadual di atas hanya 4% kejiranan melaksanakan lebih dari 10 aktiviti iaitu di kejiranan Paya Nahu di Kedah. KPI JPNIN adalah setiap kejiranan mestilah melaksanakan sebanyak 5 program atau lebih.

## Pihak Yang Berkepentingan (Stakeholder)

Salah satu tujuan utama **Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 17.7** adalah melibatkan pihak yang berkepentingan (*Stakeholders*) dalam proses pembangunan inklusif. Melalui penglibatan agensi kerajaan dan bukan kerajaan, ia dapat membina satu rangkaian yang kondusif dimana sesuatu masalah masyarakat setempat dapat diselesaikan melalui perkongsian idea, dana dan kemahiran. Oleh yang demikian, kerajaan negeri harus memainkan peranan yang penting supaya agensi-agensi dapat melaksanakan tanggungjawab di setiap kawasan kejiranan khususnya kawasan yang menjalankan Program PSK.

Sehubungan dengan itu, sebanyak 20 agensi kerajaan dan bukan kerajaan telah dikenal pasti oleh penduduk di kawasan kejiranan sepanjang tahun 2016 bagi melaksanakan aktiviti sosial serta mencari penyelesaian kepada masalah setempat. Di mana 65% adalah agensi kerajaan dan 35% adalah agensi bukan kerajaan. Sila rujuk Jadual 14.

**Jadual 14: Jaringan Dengan Agensi - Pemegang Kepentingan**

Bil	Agensi	Kerajaan	Bukan Kerajaan
1	Agensi Anti Dadah (AADK)	√	
2	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	√	
3	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)	√	
4	Jabatan Pendidikan	√	
5	Jabatan Kesihatan	√	
6	Jabatan Pertahanan Awam	√	
7	Jabatan Imigresen	√	
8	Majlis Perbandaran Negeri	√	
9	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	√	
10	Jabatan Pengangkutan Jalan	√	
11	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)	√	
12	MARA	√	
13	TEKUN Nasional	√	

Bil	Agensi	Kerajaan	Bukan Kerajaan
14	Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)		✓
15	Forest Research Institute Malaysia (FRIM)		✓
16	Lembaga Pengurusan Bersama (JMB)		✓
17	NGO-NGO Setempat		✓
18	Persatuan Penduduk		✓
19	PEMADAM		✓
20	AMANITA		✓
<b>Jumlah</b>		<b>13</b>	<b>7</b>
<b>Peratus (%)</b>		<b>65</b>	<b>35</b>

KITA-UKM 6/9/17

Merujuk kepada Jadual 14, agensi-agensi yang terlibat pada tahap permulaan adalah agak baik dan boleh dipertingkatkan lagi apabila penduduk di peringkat akar umbi membina kepercayaan setelah isu dan masalah dapat ditangani dengan baik oleh agensi berkenaan. Justeru itu, penglibatan agensi bukan kerajaan juga perlu diperbanyak kerana agensi-agensi ini mempunyai kepakaran masing-masing serta dana untuk menyelesaikan masalah. Sebagai contoh, penglibatan Persatuan Pencinta Alam untuk membawa kesedaran tentang pentingnya memelihara pembangunan alam sekitar.

Sebagai titik permulaan yang efektif, agensi-agensi kerajaan harus memberi pengesahan dan pengiktirafan rasmi kepada KRT supaya membina kapasiti penyampaian yang lebih berkesan di peringkat akar umbi. Pengiktirafan ini harus diberi khususnya oleh kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan.

## Cadangan Kajian

### 1. Kepimpinan Peringkat Akar Umbi Dan Kejiranana

Pemimpin yang meraikan kepelbagaian adalah satu pendekatan memimpin bagi sesebuah kawasan kejiranana yang meliputi pelbagai kaum, tradisi, budaya, agama dan bahasa. Hasil penemuan kajian daripada program Sayangi Komuniti (PSK) mendapati bahawa kejayaan di peringkat akar umbi adalah disebabkan pemimpin yang bermotivasi tinggi, inklusif dan berdedikasi untuk pembangunan di peringkat akar umbi.

Pemimpin-pemimpin seperti ini mengenali kawasan kejiranana dan penduduk bahkan penduduk juga mengenali mereka lalu ini akan membuka ruang untuk penduduk berkongsi isu dan masalah setempat agar dapat diselesaikan dengan lebih kondusif. Kepimpinan ala pemangkin seperti ini harus diperaktikkan di semua kawasan kejiranana kerana hasil impaknya memberangsangkan di mana kawasan setempat menunjukkan perubahan sosial dan transformasi yang positif dan konsisten.

Melalui hasil kajian, kumpulan penyelidik meringkaskan 5 prinsip kepimpinan dalam meraikan kepelbagaian.

- **Pemimpin untuk semua** - Pemimpin di peringkat kejiranana perlu memahami tanggungjawab mereka sebagai seorang pemimpin untuk semua lapisan masyarakat dan bukan sahaja representasi satu kaum. Kumpulan penyelidik mendapati kebanyakan pemimpin memiliki nilai ini di mana mereka adalah pemimpin untuk semua. Ini membuatkan kumpulan minoriti berasa selesa dan selamat.
- **Pemimpin yang menghargai kepelbagaian** - Memahami dan menghargai bahawa semua kumpulan etnik mempunyai sejarah dan tradisi masing masing yang perlu di hormati dan dipelihara.
- **Pemimpim bersifat inklusif** - Pemimpin yang sensitif terhadap keperluan masyarakat khususnya kumpulan minoriti. Di sini, aspek keadilan dan kesaksamaan harus diperaktikkan sepenuhnya.

- **Pemimpin yang berhasrat menyelesaikan isu setempat**  
- Pemimpin yang prihatin akan mengambil tahu isu setempat dan mencari penyelesaian dengan pantas.
- **Pemimpin bersifat mesra** - Sikap pemimpin yang bersikap mesra serta mengenali penduduk kawasan kejiraninan akan menarik hati komuniti setempat bergaul dengan mereka.

## 2. Sistem Pengurusan Menyeluruh Memperkasa Penyampaian Kejiranan

Dalam proses Pengurusan Program Sayangi Komuni (PSK), kumpulan penyelidik KITA-UKM menekankan nilai kepimpinan, motivasi dan komunikasi semasa mengendalikan dan menguruskan PSK. Intipati dan keunikan PSK sepenuhnya perlu dilihat secara efektif diperingkat akar umbi. Oleh itu, pentingnya memantapkan prestasi pegawai JPNIN dan kepimpinan di peringkat kejiraninan supaya matlamat PSK dapat dicapai serta impak yang diharapkan di kawasan kejiraninan dapat direalisasikan.

Sehubungan dengan itu, KITA-UKM mencadangkan satu konsep Pengurusan Program PSK yang berteraskan 5 kitaran ataupun proses pengendalian yang berkualiti. Proses pertama adalah Latihan Pengurusan PSK di mana KITA-UKM akan mengendalikan latihan ini. Proses latihan ini melibatkan pegawai JPNIN di peringkat daerah, negeri dan pemimpin KRT. Latihan ini berfokuskan kepada penerangan matlamat PSK serta proses pelaksanaannya. Proses seterusnya adalah bajet dan kelulusan, di mana ahli KRT bersama dengan Pegawai Perpaduan Daerah akan merancang program yang berfokus kepada penyelesaian isu yang dikenal pasti beserta bajet yang diperlukan. Program PSK adalah berlainan dengan program yang biasa dilaksanakan oleh KRT. Program PSK menekankan penglibatan semua kaum, aspek pembangunan inklusif adalah fokus utama iaitu sesiapa pun tidak dipinggirkan.

Seterusnya adalah pelaksanaan program di kawasan kejiranan, pemantauan dan penilaian. Proses ini seharusnya dikendalikan oleh JPNIN daerah dan negeri serta dipantau oleh Ibu Pejabat JPNIN. Proses ini perlu dipertingkatkan supaya matlamat PSK dapat direalisasikan sepenuhnya. Setelah proses penilaian selesai, perancangan semula akan berlaku dimana segala kelemahan yang dikenal pasti akan diperbaiki.

### 3. Membina Kapasiti PSK Melalui Latihan Pengukuhan Kejiranan

Bagi memudahkan sistem penyampaian latihan, KITA-UKM telah merangka satu MODUL LATIHAN PSK iaitu ‘Daripada Komuniti Untuk Komuniti’, berlandaskan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia sebagai tunggak kejayaan. Latihan ini berkonsepkan Pembangunan Sumber Manusia (**People Centered**) dan Proses Pelaksanaan Program.

Modul ini merangkumi 5 komponen utama PSK. Setiap komponen mempunyai objektif, metodologi penyampaian dan hasil impak. Penerangan komponen adalah seperti berikut:

- **Pentadbiran PSK** - Memperkenalkan beberapa pendekatan seperti indeks kemiskinan yang berbilang dimensi, inklusif sosial seperti dicadangkan dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11), khas merujuk kepada masyarakat bandar B40. Memperkenalkan tujuan atau matlamat dan strategi pelaksanaan Program Sayangi Komuniti di kawasan kejiranan yang telah dikenalpasti. Mendapat informasi padat mengenai kawasan kejiranan melalui profil kejiranan.
- **Cabarani Kejiranan** - Memahami konsep kejiranan melalui kajian demografi kawasan kejiranan. Membincangkan cabaran di kawasan kejiranan. Penyelesaian masalah bersama perkongsian bijak dengan agensi persekutuan, negeri dan daerah. Mengetahui perbezaan di antara Program PSK dan Program KRT.
- **Kenali Komuniti Anda** - Membina kapasiti pemimpin tempatan untuk melaksanakan Program Sayangi Komuniti. mengenali diri sendiri, komuniti dan aplikasi prinsip kepimpinan abdi rakyat (**Servant Leadership**).

- **Perancangan Program** - Merancang program mengikut keperluan dan isu yang dikenal pasti. Merancang program bagi jangka masa pendek dan panjang. Merancang bajet program mengikut garis panduan JPNIN.
- **Menetapkan Matlamat dan Hala Tuju** - Memberi kesimpulan latihan pengurusan dan pentadbiran, hasil pembelajaran selama 2 hari. Berkongsi pengalaman, merangka hala tuju dan membina satu rangkaian efektif yang berterusan sesama pemimpin KRT dan pegawai.

## Kesimpulan

Akhir kata, hasil kajian menunjukkan aspek urbanisasi mempunyai kesan positif dan kesan negatif. Kesan negatif terhadap urbanisasi melibatkan perpindahan penduduk kampung dan estet ke kawasan bandar dan mula menghuni di pangaspuri-pangaspuri yang tinggi dan padat dengan penduduk serta mempunyai serba kekurangan dari segi infrastruktur. Hal sedemikian juga menyebabkan timbulnya banyak isu dan masalah dari segi perpaduan, gejala sosial, jenayah, kemiskinan bandar, keselamatan dan kebersihan. Kajian juga menunjukkan situasi yang digambarkan sebegini wujud di kesemua 25 kawasan kejiranan. Oleh itu, pendekatan yang dicadangkan adalah memperkuatkan kepimpinan akar umbi, pengurusan sumber manusia yang mantap serta latihan yang berterusan dapat menghasilkan impak yang tinggi di peringkat kawasan kejiranan demi mencapai matlamat negara iaitu meraikan kepelbagaian dan menghargai perpaduan yang sebenar.

*“Setiap kita harus hormat hak dan perasaan masing-masing, bertolak ansur dengan agama orang lain, adat dan tabiat, kerana menerusi kepelbagaian itu kita boleh mendapat perpaduan yang sebenar”*

**YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Bapa Kemerdekaan)**

## Rujukan

Lynton, R.P; Pareek, U 1990. *Training and Development*. Kumarian Press, West Hartford Connecticut, USA

Yap Kioe Sheng, Moe Thuzar, 2012. *Urbanisation In Southeast Asia Issues & Impacts*. ISEAS Publishing, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore

Denison Jayaasooria, 2016. Inclusive Development for Urban Poor and the Bottom 40% Communities in Malaysia. UKM Ethnic Studies Paper Series. University Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Denison Jayasooria, Muhammad Ismail Aminuddin, Helmy Muhammad, 2014. Cabaran Kehidupan Di Kawasan Flat Bandar: Implikasi Terhadap Penyampaian Perkhidmatan. Siri Kertas Laporan Penyelidikan KITA-UKM Bil 4, Mei 2014

Faziawati Abdul Aziz, October 2012, The Investigation of The Implications of Squatter Relocation in High-Risk Neighborhoods In Malaysia. PHD Thesis submitted to the MEscastle University in Fullment for the Degree of Doctor of Philosophy.

Geraldine Avella Fuentes, September 2017. Communities Taking Part: Challenges and Expectations of the Bottom 40 Neighbourhoods' Sri Pahang and Jalan Hang Tuah in Kuala Lumpur. MSc International Development University of Edinburgh



# **PENERAPAN ELEMEN PERPADUAN NASIONAL DALAM PROGRAM NGO DI SABAH: SATU TINJAUAN AWAL**

**Penyelidik:**

**Abd Hakim Mohad  
Ros Aiza Mohd Mokhtar  
Aiedah Abdul Khalek  
Jill Sarjit G.  
Ahmad Tarmizi Talib**

## PENERAPAN ELEMEN PERPADUAN NASIONAL DALAM PROGRAM NGO DI SABAH: SATU TINJAUAN AWAL

Abd Hakim Mohad, Ros Aiza Mohd Mokhtar  
Aiedah Abdul Khalek, Jill Sarjit G., Ahmad Tarmizi Talib

### ABSTRAK

NGO merupakan organisasi sukarelawan yang tidak berkepentingan politik mahupun keuntungan dalam memberi khidmat terhadap masyarakat sama ada dalam bentuk bantuan, servis ataupun memantapkan sesuatu polisi awam. Masyarakat di Malaysia amnya dan Sabah khususnya semakin merasai kehadiran pelbagai NGO yang menjalankan pelbagai program di tempat mereka. NGO-NGO ini boleh dibahagikan kepada beberapa kategori seperti sukan, budaya, agama, belia dan sebagainya. Mereka giat menjalankan aktiviti sama ada kepada ahli-ahli yang berdaftar dengan mereka atau masyarakat lain yang bukan ahli. Kemudahan perhubungan menerusi internet dan media sosial seperti aplikasi *whatsapp*, *facebook*, *telegram* telah merancakkan lagi aktiviti yang dijalankan. Kajian terdahulu mendapati NGO dapat mengukuhkan kesepadan sosial dengan membina norma mengambil berat, bersifat prihatin dan menyumbang kepada masyarakat. Namun persoalannya, apakah program-program anjuran NGO-NGO di Sabah ini turut menerapkan aspek perpaduan nasional yang menjadi asas kepada kerukunan dan kedamaian hidup dalam kalangan masyarakat majmuk seperti Malaysia. Kajian ini meneroka penglibatan NGO dalam menerapkan perpaduan nasional khususnya di Sabah melalui program yang dijalankan oleh NGO tersebut. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik bagi mendapatkan data. Hasil kajian yang dijalankan ke atas 30 responden menunjukkan bahawa NGO di Sabah turut berperanan dalam memupuk perpaduan nasional dengan menerapkan elemen kesepadan dan perpaduan dalam program yang mereka anjurkan.

Kata kunci: NGO, kesepadan, perpaduan.


## Pengenalan

NGO merupakan organisasi sukarelawan yang tidak berkepentingan politik mahupun keuntungan dalam memberi khidmat terhadap masyarakat sama ada dalam bentuk bantuan, servis ataupun memantapkan sesuatu polisi awam (Margaret P. Karns, Encyclopedia Britannica). Kajian terdahulu mendapati NGO dapat mengukuhkan kesepaduan sosial dengan membina norma mengambil berat, bersifat prihatin dan menyumbang kepada masyarakat (Wooley, 1998). Bertepatan dengan nilai dan norma yang mengukuhkan kesepaduan sosial oleh NGO, kajian ini meneroka penglibatan NGO dalam menerapkan perpaduan masyarakat khususnya di Sabah melalui program yang dijalankan oleh NGO tersebut. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik bagi mencapai objektif sebagaimana berikut:

1. Mengenal pasti matlamat dan pengisian yang diberikan dalam program yang dijalankan oleh pelbagai NGO di Sabah.
2. Mengenal pasti elemen kesepaduan dan perpaduan dalam program pelbagai NGO di Sabah.

## Kerangka Teori

Persoalan kajian ini merujuk kepada sejauh mana penglibatan NGO dalam menerapkan perpaduan sosial melalui program yang dijalankan. Perkara ini boleh dikenal pasti dari sisi NGO sendiri iaitu dari dalam kalangan ahli NGO tersebut dan juga peserta yang bukan terdiri daripada bukan ahli NGO tersebut sebaliknya turut terlibat dalam aktiviti yang dijalankan oleh NGO tersebut. Kerangka teori bagi menjawab persoalan kajian ini adalah sebagaimana berikut:




Rajah 1: Kerangka Teori Penglibatan NGO Sabah dalam Perpaduan Sosial

Berdasarkan kerangka teori di atas, konstruk kesepaduan diletakkan sebagai pra-syarat kepada konstruk perpaduan berdasarkan proses perpaduan dalam konteks masyarakat Malaysia. Manakala, konsep perpaduan yang dicadangkan adalah dalam kerangka perpaduan dalam kepelbagaian iaitu bukan perpaduan secara mutlak yang membentuk satu identiti bangsa Negara.

Perpaduan sosial membawa maksud yang pelbagai dan berbeza mengikut konteks perbincangan (Atkinson, 1998). Secara umumnya, penyelidik terdahulu merujuk kesepaduan sosial sebagai ketiadaan pengasingan individu atau golongan tertentu. Sebahagian penyelidik juga merujuk kesepaduan sosial kepada interaksi dan hubungan dalam sesebuah masyarakat. Kepentingan kesepaduan sosial adalah amat ketara dalam mencapai perpaduan nasional kerana ia merupakan platform yang menghubungkan antara kaum sebelum mereka membentuk identiti Nasional. (Jon Elster, 1998; Wooley, 1998).

Jelasnya, kesepaduan sosial merupakan proses dalam membina masyarakat yang berkongsi nilai, cabaran dan peluang yang adil berdasarkan unsur harapan bersama, mempercayai antara satu sama lain dan kesediaan untuk menyumbang kepada masyarakat (*Strategic Research and Analysis Directorate*, July 15, 1997). Jelas sekali dalam konteks negara Malaysia, nilai, cabaran dan peluang yang adil merupakan tiga cabaran yang sering dibincangkan bagi mencapai kesepaduan sosial. Cabaran-cabaran ini perlu ditangani dari semasa ke semasa dalam menyediakan masyarakat Malaysia yang mempunyai kesepaduan dan seterusnya perpaduan yang jitu.

Kerangka teori kesepaduan sosial yang dipilih bagi kajian ini adalah berdasarkan kerangka Frances Wooley (1998) kerana kesesuaianannya untuk menilai elemen kesepaduan yang diterapkan dalam program NGO di Sabah.



Rajah 2: Kerangka Teori Kesepaduan Sosial (Wooley, 1998)

Menurut Teori Kesepaduan Sosial (Wooley, 1998) ini, terdapat tiga Dimensi Penentu Kesepaduan iaitu:

1. Ketiadaan pengasingan sosial.
2. Kualiti dan kuantiti Interaksi dan hubungan dalam masyarakat.
3. Perkongsian nilai dan memahami antara satu sama lain di dalam sesebuah masyarakat yang mungkin berbeza latar belakang budaya dan kepercayaan.

Manakala kerangka teori perpaduan sosial yang dipilih bagi kajian ini pula, adalah berdasarkan kerangka Shamsul Amri (2012) kerana kesesuaianya untuk menilai elemen perpaduan yang diterapkan dalam program NGO di Sabah. Perpaduan ditakrifkan sebagai kesamaan dan kesatuan dalam membentuk identiti nasional seperti satu bangsa, satu agama, satu bahasa dan satu negara.

Melihat dalam konteks negara berbilang kaum, etnik dan agama, adalah hampir mustahil perkara ini dapat dicapai (Shamsul Amri, 2012). Oleh itu, konsep perpaduan yang dicadangkan bagi kajian ini ialah “Perpaduan dalam kepelbagaian” (*unity in diversity*). Terdapat tiga perspektif perpaduan dalam kepelbagaian oleh Shamsul Amri (2012) iaitu:

1. Psikologi Sosial: iaitu rasa kesatuan merentas pemisahan fizikal dan psikologikal.
2. Antropologi-Sosiologi: iaitu merangkumi aspek epistemologi dengan menganalisis bagaimana manusia mengurus abstrak dan nyata serta perbezaan sosial sedia ada dalam membentuk identiti nasional.
3. Ontologi: iaitu mengurus dan menyusun perbezaan untuk mewujudkan keadaan aman dan stabil bagi meraih kesenangan dan kemewahan material.

Konsep perpaduan dalam kepelbagaian adalah penting dalam konteks Malaysia yang lebih menfokuskan kepada akulturasi budaya antara kaum-kaum dan etnik yang berbeza. Setelah sekian lama kepelbagaian ini diraikan, pasti strategi perpaduan adalah lebih sesuai dalam konteks

kepelbagaian supaya perpaduan dapat dicapai dengan cara yang harmonis tanpa menyisihkan identiti budaya kaum-kaum dan etnik yang berbeza.

## Metode dan Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah survei bagi mendapatkan data melalui soal selidik sebagai instrumen. Survei dijalankan terhadap dua kumpulan yang terlibat dalam kegiatan NGO iaitu; ahli-ahli NGO dan peserta yang terlibat dalam program-program yang telah dijalankan oleh pihak NGO. Lima Skala Likert telah dicadangkan sebagai kayu ukur bermula daripada sangat bersetuju (5) hingga sangat tidak bersetuju (1) terhadap kenyataan yang diberikan. Penyelidik mengemukakan (3) konstruk utama iaitu;

- a. Pengisian program berkaitan perpaduan masyarakat
- b. Elemen Kesepadan dalam program
- c. Elemen Perpaduan dalam program

Bagi menjamin aspek kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, penyelidik mencadangkan beberapa langkah utama iaitu:

- a. Kesahan

Langkah-langkah di bawah dijalankan bagi menjamin instrumen yang diguna pakai di dalam kajian ini adalah valid iaitu:

- i. "Face Validity" dijalankan dalam kalangan penyelidik secara berkumpulan.
- ii. Kajian Rintis dalam kalangan minimum 30 orang peserta dan ahli NGO.
- iii. Validiti Konstruk dijalankan bagi menjamin setiap soalan berada dalam konstruk yang betul: Analisis Faktor.

Data sebagaimana yang akan dibincangkan dalam kertas ini merupakan kajian rintis.

## b. Kebolehpercayaan

Ujian Cronbach Alpha telah dijalankan bagi melihat realibiliti setiap soalan dan konstruk secara keseluruhan. Soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai Cronbach Alpha bagi semua item adalah melebihi 0.75.

## Profil Responden

Profil responden kajian ini adalah sebagaimana berikut:

<b>Perkara</b>	<b>Perincian</b>	<b>Bilangan (n)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Jantina	Lelaki	15	50
	Perempuan	15	50
Umur	20-29 Tahun	16	53.3
	30-39 Tahun	8	26.6
	40-49 Tahun	5	16.6
	50-59 Tahun	1	3.3
Bangsa/ Etnik	Melayu	2	6.6
	India	2	6.6
	Cina	3	10
	Kadazan	1	3.3
Agama	Dusun	7	23.3
	Bajau	6	20
	Kedayan	1	3.3
	Bugis	6	20
	Lain-lain	2	6.6
	Islam	18	60
	Kristian	12	40
	UPSR	1	3.3
	PMR/SRP/LCE	1	3.3
	SPM/MCE/'O" Level	2	6.6

<b>Perkara</b>	<b>Perincian</b>	<b>Bilangan (n)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Tahap Pendidikan	STPM/HSC/"A" Level	3	10
	Diploma	4	13.3
	Ijazah Sarjana Muda	15	50
	Ijazah Sarjana	2	6.6
	Ijazah Kedoktoran	2	6.6
Klasifikasi Pekerjaan	Kerajaan	11	36.7
	Swasta	10	33.3
	Sendiri	3	10
	NGO	1	3.3
	Pelajar	5	16.7
	USIA	4	13.2
Kategori NGO yang disertai secara aktif	Persatuan Kristian Papar	4	13.2
	KDCA	5	16.6
	PKBS	4	13.2
	Persatuan Bajau Bersatu	3	10
	Belia Keningau	1	3.3
	Belia Nasional	1	3.3
	Belia Tawau	3	10
	Belia Kudat	2	6.6
	MERCY	1	3.3
	4x4 UMS	1	3.3
Status Keahlian NGO	Persatuan Siswazah Sabah	1	3.3
	Ahli	9	30
	Bukan Ahli	21	70

**Rajah 3: Profil Responden**

## Dapatan Kajian

No	Elemen Kesepaduan dalam Program NGO	Skor Min
1	Saya rasa diterima oleh masyarakat melalui program yang dijalankan oleh NGO ini.	3.56
2	Pandangan saya dihargai sepanjang program NGO ini dijalankan.	3.40
3	Saya melihat penglibatan pelbagai kaum/etnik/agama dalam program anjuran NGO ini.	3.50
4	Saya melihat amalan tolong-menolong dalam kalangan peserta pelbagai kaum/etnik/agama sepanjang program berjalan.	3.53
5	Saya melihat amalan hormat-menghormati dalam kalangan peserta pelbagai kaum/etnik/agama sepanjang program berjalan.	3.50
6	Saya mendapat peluang bergaul (interaksi) dengan masyarakat pelbagai etnik/kaum/agama melalui program yang dijalankan oleh NGO ini.	3.50
7	Saya merasakan program NGO ini dapat mengeratkan hubungan antara kaum/etnik/agama.	3.46
8	Saya mengenali rakan baharu daripada pelbagai kaum/etnik/agama semasa menghadiri program NGO ini.	3.53
9	Saya selesa bekerjasama dengan peserta dari kaum/etnik/agama lain ketika program dijalankan NGO ini.	3.53
10	Saya ada menghubungi peserta dari kaum/etnik/agama lain selepas program NGO tersebut selesai.	3.30
11	Program ini memberi ruang untuk peserta memahami kepelbagaian latar belakang kaum/etnik/agama.	3.36
12	Program NGO ini menerapkan nilai kepada peserta agar menjaga sensitiviti kepelbagaian kaum/etnik/agama.	3.50

No	Elemen Kesepaduan dalam Program NGO	Skor Min
13	Program NGO ini mananamkan sikap menerima kepelbagaian kaum/etnik/agama.	3.50
14	Program NGO ini melibatkan kerjasama peserta berbilang kaum/etnik/agama dalam aktiviti mereka.	3.40
15	Program NGO ini mendorong masyarakat membina hubungan berbilang kaum/etnik/agama.	3.50

**Rajah 4: Elemen Kesepaduan dalam Program NGO di Sabah**

No	Elemen Perpaduan dalam Program NGO	Skor Min
1	Program NGO ini memupuk rasa kesatuan sesama peserta.	<b>3.86</b>
2	Program NGO ini menyatupadukan masyarakat berbilang kaum/etnik/agama.	3.60
3	Program NGO ini menerima perbezaan kaum/etnik/agama sebagai satu kekuatan.	<b>3.43</b>
4	Program NGO ini menjamin kesejahteraan masyarakat.	3.63
5	Program NGO ini menyemai nilai hidup bersama secara harmoni.	3.60

**Rajah 5: Elemen Perpaduan dalam Program NGO di Sabah**

## Perbincangan

Kajian ini mendapati bahawa, elemen kesepaduan telah diterapkan ke dalam program yang dianjurkan oleh NGO di Sabah. Elemen kesepaduan yang diterapkan merangkumi tiga faktor pentru bagi kesepaduan sosial iaitu ketiadaan pengasingan sosial (item 1-5), interaksi dan hubungan (item 6-10), perkongsian nilai dan interpretasi (item 11-15). Hal ini dapat diperhatikan daripada Rajah 4 yang menunjukkan bahawa skor min bagi semua item dalam “Elemen Kesepaduan dalam Program NGO di Sabah” adalah antara 3.30 hingga 3.5667. Skor min yang paling tinggi adalah bagi item “Saya rasa diterima oleh masyarakat melalui program yang dijalankan oleh NGO ini” (3.5667). Item ini merupakan komponen item “ketiadaan pengasingan sosial” (*social exclusion*). Ini secara langsung menunjukkan bahawa aktiviti atau program anjuran NGO di Sabah turut memupuk sikap kebersamaan, penerimaan kaum-kaum yang berlainan dan toleransi serta menerima baik kepelbagaian dalam masyarakat di Sabah. Manakala skor min yang paling rendah pula adalah bagi item “Saya ada menghubungi peserta dari kaum/etnik/agama lain selepas program NGO tersebut selesai” (3.30). Hal ini mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti kesibukan dan kurangnya kesinambungan program yang menghubungkan peserta yang sama dalam jangka masa yang panjang.

Di samping penerapan elemen kesepaduan yang merupakan pra syarat kepada perpaduan sosial dalam konteks kajian ini, elemen perpaduan turut diterapkan ke dalam program anjuran NGO di Sabah. Elemen perpaduan yang diterapkan merangkumi ketiga-tiga aspek perpaduan dalam kepelbagaian sebagaimana yang dicadangkan oleh Samsul Amri (2012) iaitu rasa kesatuan (psikologi sosial), mengurus perbezaan serta mencipta identiti (antropologi) dan menyusun perbezaan untuk keamanan (ontologikal). Hal ini dapat diperhatikan daripada Rajah 5 yang menunjukkan bahawa skor min bagi semua item dalam “Elemen Perpaduan dalam Program NGO di Sabah” adalah antara 3.4333 hingga 3.8667. Skor min yang paling tinggi adalah bagi item “Program NGO ini memupuk rasa kesatuan sesama peserta” (3.8667). Item ini adalah berkenaan aspek psikologi sosial, iaitu secara umumnya mereka yang menyertai program NGO ini merasakan mereka adalah masyarakat yang bersatu iaitu boleh hidup bersama dengan aman harmoni. Manakala skor min yang paling rendah pula adalah bagi item “Program NGO ini menerima perbezaan kaum/etnik/agama sebagai satu kekuatan”

(3.4333). Ini mungkin disebabkan oleh persepsi masyarakat yang tidak merasakan bahawa perbezaan kaum/etnik/agama boleh menjadi kekuatan sesebuah masyarakat. Sebagaimana realiti kehidupan kepelbagaian sesebuah masyarakat selalunya menfokuskan bagaimana untuk menguruskan kepelbagaian supaya masyarakat dapat hidup dengan lebih aman dan harmoni.

## Kesimpulan

Data daripada kajian rintis ini menunjukkan bahawa NGO di Sabah turut berperanan dalam menyumbang ke arah toleransi dan perpaduan sosial melalui program-program yang mereka anjurkan. Hal ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada tanggapan positif terhadap masyarakat Sabah sebagai masyarakat yang toleran dan bersatu dalam kepelbagaian. Satu aspek yang boleh diberi perhatian dalam konteks peranan NGO dalam masyarakat majmuk ialah menekankan kepelbagaian etnik/kaum/agama sebagai tunjang kekuatan sesebuah masyarakat terutamanya Sabah sebagai sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai etnik dan budaya. Jika aspek ini dapat dicapai, iaanya dapat memperkayakan sosio budaya masyarakat dan seterusnya menyumbang kepada kesepaduan dan perpaduan Nasional.

## Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang telah membayai kajian ini melalui Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) di bawah projek GL00151.

## Rujukan

Fatimi Hanafi, Zulkarnain Abdul Rahman & Arbaiyah Mohd Noor (2016). Perpaduan Politik Asas Intergrasi Nasional di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Vol. 3(1), pp.29-54.

France Wooley (1998). Social Cohesion and Voluntary Activity: Making Connections. Centre for the Study of Living Standards, Conference on the State of Living Standards and the Quality of Life in Canada. October 30-31, 1998 Ottawa, Ontario.

Hussein Haji Ahmad & Haneza. (2015). *Pengurusan Pembangunan Konsep Perpaduan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan : Satu Kajian Di Klang, Selangor*. Selangor Darul Ihsan.

Razli Ahmad, Hanum Hasan dan Azuddin Bahari. (2013). Persepsi Mahasiswa Terhadap Isu-Isu Perpaduan: Kajian ke Atas Pelajar-Pelajar Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). *Jurnal Personalia Pelajar*, Vol. 16: pp.15-24.

Regina Berger-Schmitt (2000). Social Cohesion as an Aspect of the Quality of Societies: Concept and Measurement, EuReporting Working paper no.14, Centre for Survey Research and Methodology.

Robert Oxoby, (2009). “Understanding Social Inclusion, Social Cohesion, And Social Capital”, *International Journal of Social Economics*, Vol. 36 (12), pp.1133 - 1152.

Shamsul Amri (2012). Modul Hubungan Etnik, Bangi: Insitut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.



# **HUBUNGAN DEMOGRAFI DENGAN KEBERKESANAN AKTIVITI RUKUN TETANGGA**

**Penyelidik:**

**Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri**

## HUBUNGAN DEMOGRAFI DENGAN KEBERKESANAN AKTIVITI RUKUN TETANGGA

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri

### ABSTRAK

Rukun Tetangga (RT) telah diperkenalkan pada tahun 1975. Objektif secara umumnya, untuk mengenalpasti aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga yang dijalankan dalam kawasan kejiraninan berdasarkan demografi responden. Seramai 441 orang responden telah dipilih berpandukan senarai RT yang berdaftar yang didapati dari Jabatan Perpaduan Negara. Kajian ini meliputi kawasan di Semenanjung Malaysia iaitu terdiri daripada 11 buah negeri dan 2 buah Wilayah Persekutuan. Responden telah menjawab soal selidik yang diberikan secara serahan tangan melalui JPNIN di negeri masing-masing dan kembali secara kiriman pos kepada penyelidik. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah IBM SPSS 20.0 untuk menganalisis hasil penyelidikan. Dapatan kajian menunjukkan daripada jumlah responden yang didapati seramai 311 orang (70.5%) ialah responden lelaki dan 130 orang (29.5%) ialah responden perempuan. Selain itu, kumpulan umur yang paling ramai terdiri daripada kumpulan umur 41 tahun hingga 50 tahun iaitu seramai 132 orang (29.9%), diikuti dengan kumpulan umur 51 hingga 60 iaitu 124 orang (28.1%), kumpulan umur 31 hingga 40 tahun sebanyak 104 orang (23.6%), kumpulan umur 60 tahun ke atas sebanyak 55 orang (12.5%), kumpulan umur 21- 30 tahun seramai 24 orang (5.4%) dan kumpulan umur 20 tahun sebanyak 2 orang (0.5%). Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang berkenaan dan melalui aktiviti RT, di samping meningkatkan hubungan dan perpaduan masyarakat di negara ini.

Kata kunci: Rukun Tetangga, Perpaduan.

## PENGENALAN

Malaysia salah sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian etnik yang terdiri daripada tiga etnik utama iaitu etnik Melayu, Cina, dan India. Selain 3 kumpulan etnik utama ini, Malaysia juga turut dihuni kira-kira 80 etnik yang lain seperti Kadazan-Dusun, Bajau, Iban dan lain-lain. (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017). Kesan masyarakat yang berbilang kaum atau masyarakat majmuk ini telah menimbulkan perbezaan antara etnik dari segi budaya, agama, adat resam dan lain-lain (Nazri et al. 2011, Ahmad Zaharuddin Sani, 2014).

Masyarakat yang pelbagai etnik ini hidup dengan aman dan mengamalkan kepercayaan dan budaya masing-masing secara bebas dan saling menghormati antara satu sama lain. Menurut Faridah et al. (2008) hubungan etnik merujuk kepada interaksi antara etnik yang berbeza (interetnik) atau interaksi dalam kumpulan etnik yang sama (intraetnik), kepelbagaian kelompok etnik di Malaysia telah diterima oleh semua rakyat dan ini merupakan sumber kekuatan perpaduan di Malaysia. Dengan kata lain, kemajmukan dalam masyarakat di Malaysia yang telah wujud sejak sekian lama dan kekal pada hari ini harus diterima sebagai ruang dan peluang untuk mencapai kemajuan dan kesejahteraan yang lebih baik.

## 2.0 ULASAN KARYA

### Perpaduan

“Mampat”, “pejal” atau “padat” adalah asal dari perkataan padu ataupun perpaduan. Selain itu “penggabungan” atau bergabung menjadi satu juga berasal dari perpaduan. Perpaduan ialah “pergabungan”. Perihal bergabung menjadi satu atau persatuan. Lawan bagi “perpaduan” ialah “permusuhan”, “kehancuran” dan “perpecahan”. Pada sudut pandangan Islam pula perpaduan dilihat sebagai satu perkara yang baik iaitu “maakruf” manakala pepecahan ialah satu perkara yang keji atau tidak baik iaitu “mungkar”. (Ahmad Zaharuddin Sani, 2014).

## Rukun Tetangga

Rukun Tetangga telah diperkenalkan pada tahun 1975. Pada masa itu, ianya bertujuan untuk menjaga keselamatan masyarakat berikutan rentetan peristiwa yang berlaku antaranya Peristiwa 13 Mei 1969. Konsep program ini hampir menyerupai program *Neighbourhood Watch* yang dijalankan di luar negara terutamanya di United Kingdom. Bersesuaian dengan tujuan asalnya, satu akta yang dikenali sebagai Peraturan Perlu Rukun Tetangga 1975 (P.U. (A)279/75), telah diluluskan untuk memberikan kuasa-kuasa tertentu kepada pertubuhan tersebut.

Peranan dan fungsi Rukun Tetangga semakin diperluaskan yang mana menekankan pembangunan komuniti sebagai jaminan kesejahteraan dan keselamatan hidup masyarakat dan negara. Penekanan ini menyebabkan Rukun Tetangga telah mempelbagaikan kegiatannya tidak hanya dari aspek rondaan dan keselamatan malahan juga pelbagai aktiviti lain merangkumi sosial, pendidikan, sukan, rekreatif, alam sekitar dan sebagainya.

### 3.0 PENYATAAN MASALAH

Omar Mohamad (1979) yang mengkaji fungsi dan peranan Skim Rukun Tetangga di kawasan Kuala Lumpur mendapati, masalah utama dalam Rukun Tetangga ialah penglibatan penduduk yang tidak memuaskan. Ini disebabkan oleh AJK Rukun Tetangga yang kurang berdamping dengan penduduk dan kurang pengetahuan mengenai peraturan dan perundangan yang menyebabkan penduduk gagal berenteraksi. Hasil kajian beliau mendapati penduduk mempunyai kecenderungan untuk tidak melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan di kawasan mereka.

Manakala Yahaya Ibrahim (1995) mendapati bahawa, penduduk kawasan bandar kurang berminat dengan kegiatan sosial yang dilakukan oleh komuniti Rukun Tetangga. Antara faktornya ialah responden lebih berminat dengan aktiviti atau kegiatan ekonomi yang mendatangkan faedah kepada diri mereka.

## 4.0 METODOLOGI KAJIAN

### 4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Responden yang akan dipilih bagi menjawab borang soal selidik ini akan dipilih secara persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan digunakan kerana responden yang dipilih mempunyai ciri-ciri tertentu berdasarkan pengetahuan dan tujuan kajian ini. Responden yang dimaksudkan ialah Ahli Jawatankuasa Utama atau ‘Top 5’ dalam KRT iaitu Pengurus, Timbalan Pengurus, Setiausaha, Penolong Setiausaha dan Bendahari. Hal ini kerana mereka lebih faham tentang KRT dan lebih mengetahui tentang aktiviti-aktiviti yang mereka jalankan di kawasan tersebut. Menurut Joyce (2016) dalam kajiannya kumpulan-kumpulan pemimpin dipilih kerana kumpulan ini dipercayai dapat memberi variasi maksimum yang menyumbang kepada pemahaman terhadap konsep kepimpinan.

### 4.2 Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang dipilih oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian ini ialah di Semenanjung Malaysia. Semenanjung Malaysia iaitu terdiri daripada 11 buah negeri dan 2 buah Wilayah Persekutuan. Negeri-negeri tersebut yang semuanya terdapat di Semenanjung Malaysia ialah terdiri daripada negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu, Kelantan, Pahang, Johor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Justifikasi pemilihan kawasan adalah seperti berikut:

- i. Pemilihan negeri-negeri ini adalah berdasarkan senarai Kawasan Rukun Tetangga yang berdaftar di Malaysia yang didapati daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

- ii. KRT yang dipilih adalah berdasarkan pilihan oleh JPNIN negeri tersebut
- iii. KRT yang dipilih juga adalah berdasarkan kriteria KRT yang aktif dan yang tidak aktif.

#### 4.3 Populasi Dan Sampel Kajian

Umumnya, untuk memperoleh data bagi kajian ini maka pengagihan borang soal selidik merupakan kaedah yang sesuai berikutan kawasan kajian yang dipilih melibatkan banyak negeri. Bagi mencapai hasrat tersebut, kajian ini perlu mendapatkan sejumlah sampel sebagai responden bagi menjawab kepada persoalan dan bersesuaian dengan jumlah negeri yang terpilih dalam kajian ini. Responden akan dipilih secara persampelan bertujuan kerana responden yang dipilih haruslah mengetahui lebih lanjut tentang Rukun tetangga dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.

Anggota atau ahli jawatankuasa tertinggi yang terdapat di Kawasan Rukun Tetangga berkenaan akan diminta untuk menjawab soal selidik kajian. Seramai 40 orang ahli jawatankuasa telah dipilih sebagai responen yang mewakili KRT yang aktif dan tidak aktif mengikut piawaian dari JPNIN negeri masing-masing. Jumlah ini dipilih kerana ia agak memadai untuk menjawab persoalan kajian. Mengikut Roscoe (1975) dalam Uma Sekaran (2006) ukuran sampel lebih dari 30 dan kurang dari 500 adalah tepat untuk kebanyakan kajian. Jumlah ini dilihat tidak terlalu sedikit dan tidak terlalu banyak dalam sesebuah KRT di sesebuah negeri mahupun daerah dan dapat memberi keselesaan dan kemudahan kepada penyelidik dalam melaksanakan kajian. Sampel kajian yang diambil ialah seramai 40 orang yang telah dipilih mewakili KRT yang aktif dan tidak aktif. Sampel kajian yang diambil adalah merangkumi semua peringkat umur, jantina, jawatan yang dipegang, kawasan kediaman dan tahap pendidikan.

#### 4.4 Instrumen Kajian

Soal selidik akan digunakan sebagai instrumen dalam menjalankan kajian ini. Borang soal selidik direkabentuk berasaskan kerangka teori yang bertujuan untuk mengukur instrumen kajian secara saintifik dan menjawab segala persoalan-persoalan kajian. Soalan soal selidik yang akan digunakan mempunyai beberapa bahagian. Bahagian A ialah bahagian demografi bagi responden yang mempunyai 7 soalan yang berkaitan dengan diri responden. Bahagian B pula ialah bahagian aktiviti Rukun Tetangga. Dalam bahagian ini responden dikehendaki untuk menjawab 32 soalan yang terdiri daripada tandakan ya atau tidak dan mengisi jawapan di ruang jawapan yang disediakan mengikut pandangan responden sendiri. Seterusnya Bahagian C ialah bahagian untuk mengukur keberkesanan program Rukun Tetangga dan bahagian ini disediakan pilihan jawapan yang berskala yang perlu dipilih oleh responden.

#### 4.5 Kaedah Pengumpulan Data

Bagi proses pengagihan borang soal selidik telah dilakukan oleh penyelidik dengan menghantar sendiri borang-borang tersebut ke setiap pejabat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di setiap negeri yang dipilih. Sebanyak 40 borang soal selidik diberikan kepada pegawai-pegawai yang bertugas dalam menyerahkan borang-borang tersebut kepada pihak KRT di daerah masing-masing. Pihak JPNIN juga telah dibekalkan dengan sampul pos bagi memudahkan mereka untuk menghantar kembali soalan tersebut kepada penyelidik melalui kiriman pos. Pihak responden diberikan tempoh masa selama sebulan bagi mengisi borang soal selidik dan dikembalikan kepada penyelidik. Setelah tamat tempoh sebulan, penyelidik akan menghubungi semula pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di negeri-negeri bagi mendapatkan borang soal selidik yang masih belum dikembalikan. Bagi 11 buah negeri dan 2 buah Wilayah Persekutuan, penyelidik telah menghantar sebanyak 520 borang soal selidik dan menerima kembali sebanyak 441 borang sahaja.


## 5.0 ANALISIS KAJIAN

**Jadual 1: Taburan responden mengikut jantina**

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	311	70.5
Perempuan	130	29.5
<b>Jumlah</b>	<b>441</b>	<b>100.0</b>


Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 441 orang yang terdiri daripada seramai 311 orang (70.5%) responden lelaki dan 130 orang (29.5%) responden perempuan.

**JANTINA RESPONDEN**



**Jadual 2: Taburan responden mengikut umur**

Umur	Frekuensi	Peratus
18-20 Tahun	2	0.5
21-30 Tahun	24	5.4
31-40 Tahun	104	23.6
41-50 Tahun	132	29.9
51-60 Tahun	124	28.1
60 Tahun ke atas	55	12.5
<b>Jumlah</b>	<b>441</b>	<b>100.0</b>




Jadual menunjukkan peratusan pecahan kumpulan umur bagi responden yang telah dipilih. Kumpulan umur yang paling ramai terdiri daripada kumpulan umur 41 hingga 50 tahun iaitu seramai 132 orang (29.9%), diikuti dengan kumpulan umur 51 hingga 60 iaitu 124 orang (28.1%), kumpulan umur 31 hingga 40 tahun sebanyak 104 orang (23.6%), kumpulan umur 60 tahun ke atas sebanyak 55 orang (12.5%), kumpulan umur 21 hingga 30 tahun seramai 24 orang (5.4%) dan kumpulan umur 20 tahun sebanyak 2 orang (0.5%).

**Jadual 3: Taburan Responden mengikut jawatan dalam KRT**

Jawatan	Frekuensi	Peratus
Pengerusi	179	40.6
Timbalan Pengerusi	62	14.1
Setiausaha	101	22.9
Penolong Setiausaha	56	12.7
Bendahari	29	6.6
Penolong Bendahari	11	2.5
Tidak lengkap	3	0.7
<b>Jumlah</b>	<b>441</b>	<b>100.0</b>

### JAWATAN DALAM KRT




Jadual menunjukkan peratusan jawatan bagi responden yang telah dipilih. Responden yang paling ramai ialah Pengerusi iaitu seramai 179 orang (40.6%), diikuti dengan Setiausaha iaitu 101 orang (22.9%). Bagi Timbalan Pengerusi pula ialah seramai 62 orang (14.1%) diikuti dengan Penolong Setiausaha 56 orang (12.7%) dan Bendahari seramai 29 orang (6.6%). Manakala bagi Penolong Bendahari sebanyak 11 orang (0.7%).

**Jadual 4: Taburan responden mengikut tahap pendidikan**

Tahap pendidikan	Frekuensi	Peratus
UPSR	10	2.3
PMR	28	6.3
SPM	205	46.5
STPM	36	8.2
SIJIL/DIPLOMA	107	24.3
IJAZAH DAN KE ATAS	54	12.2
Tidak lengkap	1	0.2
<b>Jumlah</b>	<b>441</b>	<b>100.0</b>


### PENDIDIKAN RESPONDEN



Jadual menunjukkan peratusan pecahan dan frekuensi bagi tahap pendidikan responden yang telah dipilih. Golongan yang mendapat tahap pendidikan yang terbanyak ialah tahap pendidikan SPM iaitu 205 orang (46.5%) selebihnya adalah 107 orang (24.3%) merupakan yang berpendidikan Sijil/Diploma, 54 orang (12.2%) berpendidikan Ijazah dan ke atas, 36 orang (8.2%) berpendidikan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), 28 orang (6.3%) berpendidikan Penilaian Menengah Rendah dan 10 orang (2.3%) berpendidikan sekolah rendah.

**Jadual 5: Taburan responden mengikut pekerjaan.**

Pekerjaan	Frekuensi	Peratus
Kerajaan	164	37.2
Swasta	88	20.0
Pesara	77	17.5
Tidak Bekerja	9	2.0
Suri/Sura Rumah	16	3.6
Bekerja Sendiri	81	18.4
Pelajar	3	0.7
Tidak lengkap	3	0.7
<b>Jumlah</b>	<b>441</b>	<b>100.0</b>




Bagi kategori pekerjaan, terdapat 7 kategori yang dipilih oleh penyelidik iaitu sektor kerajaan, sektor swasta, pesara, suri/sura rumah, bekerja sendiri, pelajar dan tidak bekerja. Sebanyak 164 orang (37.2%) daripada keseluruhan responden bekerja dalam sektor kerajaan diikuti dengan 88 orang (20.0%) dalam sektor swasta. Responden yang bekerja sendiri pula seramai 81 orang (18.4%). Seramai 77 orang (17.5%) adalah pesara, 16 orang (3.6%) responden suri/sura rumah dan 3 orang (0.7%) masing-masing adalah pelajar.

**Jadual 6: Taburan responden mengikut pendapatan**

Pendapatan	Frekuensi	Peratus
Bawah RM1000	50	11.3
RM1000-RM2000	112	25.4
RM2001-RM3000	152	34.5
RM3001-RM4000	79	17.9
RM4001-RM5000 ke atas	40	9.1
Tidak lengkap	8	1.8
<b>Jumlah</b>	<b>441</b>	<b>100.0</b>

**PENDAPATAN RESPONDEN**




Didapati bahawa, sebanyak 152 orang (34.5%) responden mempunyai pendapatan kasar antara RM2,001.00 hingga RM3,000.00 manakala seramai 112 orang (25.4%) responden mempunyai pendapatan sebanyak RM1,000.00 hingga RM2,000.00. Selain itu, seramai 79 orang (17.9%) responden mempunyai pendapatan sebanyak RM3,001.00 hingga RM4,000.00. Bagi responden yang berpendapatan bawah RM1,000.00 ialah sebanyak 50 orang (11.3%) dan 40 orang (9.1%) responden berpendapatan sebanyak RM4,001.00 hingga RM5,000.00.

**Jadual 7: Taburan responden mengikut status**

<b>Status</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
Bujang	19	4.3
Berkahwin	401	90.9
Duda/Janda/Balu/Ibu Tunggal	21	4.8
<b>Jumlah</b>	<b>441</b>	<b>100.0</b>

**STATUS RESPONDEN**




Berdasarkan jadual, didapati kebanyakan responden telah berkahwin iaitu sebanyak 401 orang (90.9%) dan 21 orang (4.8%) responden ialah duda/janda/balu dan ibu tunggal. Selain itu juga terdapat responden yang masih bujang iaitu sebanyak 19 orang (4.3%).

**Jadual 8: Taburan responden mengikut kawasan tempat tinggal**

<b>Kawasan perumahan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	338	76.6
Luar Bandar	103	23.4
<b>Jumlah</b>	<b>441</b>	<b>100.0</b>

RESPONDEN MENGIKUT  
KAWASA TEMPAT TINGGAL



Jadual menunjukkan responden yang tinggal di kawasan bandar ialah sebanyak 338 orang (76.6%) dan responden yang tinggal di kawasan luar bandar ialah sebanyak 103 orang (23.4%)

## 6.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 2, iaitu taburan responden mengikut umur dapat ditakrifkan bahawa kumpulan umur yang paling ramai yang melibatkan diri dalam aktiviti RT terdiri daripada 41 hingga 50 tahun iaitu seramai 132 orang. Pada umur tersebut responden adalah paling produktif dalam kerjaya dan keluarga dan merupakan fasa umur yang stabil dari segi pengurusan masa untuk membahagikan masa dalam kerjaya, sosial dan keluarga. Kebanyakan dari penduduk boleh dikatakan bekerja kerajaan yang mempunyai penjadualan masa yang tetap dalam pekerjaan mereka. Kumpulan kedua yang paling banyak melibatkan diri dalam RT pula adalah golongan berusia 51 hingga 60 tahun. Kategori ini terdiri daripada golongan responden yang telah bersara atau pencen dari pekerjaan mereka. Dalam umur begini mereka mempunyai masa yang terluang bagi melibatkan diri dalam aktiviti rukun tetangga di kawasan perumahan. Selain itu, dengan menyertai program juga mereka dapat mengisi masa lapang mereka yang dengan bergaul bersama-sama masyarakat lain. Bagi kategori umur 31 hingga 40 tahun pula, sebanyak 104 orang dikenal pasti melibatkan diri dan mereka boleh dikatakan golongan yang masih lagi dalam proses menstabilkan kehidupan mereka iaitu masih lagi mencari-cari peluang dalam mempertingkatkan taraf kehidupan. Bagi kumpulan umur 60 tahun dan ke atas pula,

mereka didapati masih lagi menyertai program namun bilangan yang terlibat tidak ramai disebabkan faktor umur. Bagi responden yang berumur 18 hingga 30 tahun pula, kebiasaannya mereka adalah golongan pelajar atau golongan yang baru mula bekerja jadi masa untuk mereka bersosial bersama masyarakat terhad disebabkan dengan kekangan tugasannya mereka. Bagi mereka program aktiviti rukun tetangga ini lebih sesuai untuk golongan yang lebih berusia dari mereka.

Berdasarkan Jadual 4 pula, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa terdapat perbezaan dalam tahap pendidikan dan kaitan dengan penglibatan dalam aktiviti RT. Responden yang berkelulusan SPM sebanyak 205 orang yang melibatkan diri dalam aktiviti rukun tetangga mungkin disebabkan peluang pekerjaan mereka di sekitar kawasan tempat tinggal sahaja dan mereka juga mungkin tiada peluang untuk sambung belajar di luar kawasan tempat tinggal. Bagi responden yang berkelulusan sijil/diploma pula sebanyak 107 orang dan kebanyakan daripada pemegang sijil ialah dalam bahagian teknikal ataupun kemahiran. Untuk bidang kemahiran mereka selalunya membuka perniagaan sendiri seperti membuka bengkel kemahiran seperti bengkel kereta bertumpu di kawasan perumahan atau tempat tinggal mereka. Oleh itu, mereka mempunyai masa yang cukup bagi melibatkan diri dalam program rukun tetangga. Responden yang berkelulusan ijazah pula adalah sebanyak 54 orang dan kebanyakan dari mereka menyambung pelajaran dan bekerja di luar kawasan tempat tinggal. Justeru, kekangan tersebut menyebabkan mereka tidak dapat melibatkan diri bagi program-program anjuran rukun tetangga di kawasan mereka berikut kesibukan belajar atau bekerja.

Daripada Jadual 5, iaitu taburan responden mengikut pekerjaan, adalah dapat diklasifikasikan bahawa responden yang bekerja di sektor kerajaan atau awam mempunyai masa yang lebih lapang dan cukup untuk melibatkan diri mereka dalam aktiviti rukun tetangga di kawasan tempat tinggal mereka berbanding golongan pekerja di sektor swasta. Hal ini berikutan masa bekerja mereka selalunya tetap dari pukul 8 pagi hingga 5 petang sahaja. Oleh itu mereka mempunyai kelapangan untuk mengikut aktiviti anjuran KRT. Bagi responden yang bekerja dalam sektor

swasta pula sebanyak 88 orang sahaja berikutan kekangan tugas mereka yang tidak menentu menyebabkan mereka kurang masa dan tidak berminat untuk melibatkan diri mereka dalam aktiviti anjuran KRT. Walaubagaimanapun penglibatan mereka terhad hanya pada hari cuti sahaja. Bagi responden yang bekerja sendiri pula iaitu seramai 81 orang, mereka juga tidak mempunyai masa kerja yang tetap contohnya responden yang bekerja di bengkel atau memiliki perniagaan sendiri. Mereka juga kadangkala akan keluar kawasan bagi memenuhi tuntutan perniagaan mereka dan menyebabkan mereka kurang masa di kawasan perumahan dan menghadkan penglibatan dalam aktiviti rukun tetangga.

Berdasarkan Jadual 6, iaitu taburan responden mengikut pendapatan pula, penyelidik mendapati responden yang berpendapatan sebanyak RM2,001.00 hingga RM4,000.00 atau kategori dalam golongan berpendapatan sederhana adalah paling banyak melibatkan diri dalam aktiviti Rukun Tetangga ini. Hal ini dapat dikatakan bahawa mereka adalah responden yang banyak bekerja dalam sektor awam ataupun kerajaan yang mempunyai masa yang lebih lapang dan membolehkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Bagi kategori responden yang berpendapatan di bawah RM1,000.00 pula jika diperhatikan mereka kurang melibatkan diri dalam aktiviti anjuran KRT berkemungkinan disebabkan oleh kekangan masa kerana sibuk mencari rezeki ataupendapatantambahanyangdapatmenampung kos sara hidup mereka. Selain itu mereka juga mungkin kurang keyakinan diri untuk bergaul atau bercampur dengan golongan yang berpendapatan lebih tinggi berikutan pendapatan mereka yang rendah. Responden yang berpendapatan RM4,001.00 hingga RM5,000.00 dan ke atas pula adalah golongan yang paling sedikit melibatkan diri mereka dalam aktiviti rukun tetangga ini. Penglibatan yang tidak menggalakkan mungkin disebabkan oleh kesibukan mereka dalam menguruskan perniagaan atau pekerjaan di samping kedudukan rumah berpagar dan agak terasing dari rumah jiran-jiran yang lain.

Jadual 7 menunjukkan status responden dan jumlah penglibatan mereka dalam aktiviti Rukun Tetangga. Daripada data yang diperoleh, dapat diperhatikan sebanyak 91 peratus daripada responden telah berkahwin dan ini menunjukkan mereka

mempunyai komitmen dalam kehidupan sehari-hari. Mereka ini adalah golongan yang tinggal bersama-sama keluarga di rumah dan lebih terdedah dengan masyarakat di sekeliling dengan pergaulan anak-anak mereka di sekolah maupun taman permainan. Oleh yang demikian, mereka dilihat lebih banyak melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh KRT. Bagi responden yang masih bujang dan berstatus ibu atau bapa tunggal, mereka dilihat kurang bergaul dan melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan. Berkemungkinan mereka sibuk dalam mencari pendapatan untuk menyara diri dan keluarga. Selain itu, mereka juga mungkin mempunyai aktiviti peribadi sendiri di luar dari kawasan perumahan dan kurang melibatkan diri dalam aktiviti KRT.

Jadual 8 pula menunjukkan peratusan bagi kawasan tempat tinggal responden. Adakah kawasan tempat tinggal mereka mempengaruhi penglibatan mereka dalam aktiviti Rukun Tetangga? Daripada data yang ditunjukkan, dapat dirumuskan bahawa responden yang tinggal di kawasan bandar lebih banyak melibatkan diri mereka dalam aktiviti Rukun Tetangga mungkin disebabkan bilangan penduduk yang ramai dan padat. Apabila sesuatu kawasan padat dengan penduduk, tekanan hidup akan meningkat dan kadar jenayah juga akan meningkat seperti kes kecurian, rompakan dan sebagainya. Dengan penglibatan mereka dalam aktiviti Rukun Tetangga dilihat dapat membantu dalam mengurang kes-kes tersebut melalui sumbangan komitmen untuk sama-sama menjaga kawasan perumahan mereka. Bagi penduduk di luar bandar pula, mereka kurang melibatkan diri dalam aktiviti Rukun Tetangga kerana berkemungkinan penduduk tidak ramai dan tidak padat. Kepadatan penduduk yang kurang menyumbang kepada kurang tekanan hidup sekaligus mengurangkan kadar jenayah. Justeru penduduk hanya melibatkan diri mereka dalam aktiviti yang tertentu sahaja dalam aktiviti Rukun Tetangga di kawasan tempat tinggal mereka dan tidak merasai kepentingan untuk melibatkan diri dalam aktiviti RT.

## 7.0 PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang telah membiayai kajian ini.

## 8.0 RUJUKAN

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. (2014). *Raksaraya Malaysia*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Muhamed Nor Azman Nordin (2014). *Ke Arah Pemupukan Kesepaduan dalam Kepelbagaian Masyarakat 1 Malaysia*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.

Faridah Karim et al. (2008). Hubungan Etnik di Institusi Pengajian Tinggi dari Perspektif Etnografi Habitus dan Modal Budaya. Kertas Kerja Kolokium Identiti, Etnisiti dan Pendidikan. Anjuran bersama kumpulan penyelidik Hubungan Etnik dan Pendidikan, Fakulti Pendidikan dan Institut Kajian Etnik (KITA). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 27 Mac. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (2017) Jabatan Penerangan Malaysia,2017.

Joyce Cheah Lynn-Sze. (2016). Nilai Confucianisme dalam Komunikasi Kepimpinan Silang Budaya Tun Dr. Mahathir Mohamad.Universiti Utara Malaysia.

Nazri Muslim, Nik Yusri Musa dan Ahmad Hidayat Buang. (2011). Hubungan Etnik Di Malaysia Dari Perspektif Islam. Kajian Malaysia, Vol.29, No.1, 2011, 1-28 Omar Mohamad. (1979). *Fungsi dan peranan Rukun Tetangga*.

Uma Sekaran. 2006. Metode Penelitian Bisnis. Jakarta: Salemba Empat Yahaya Ibrahim. (1995). *Pembandaran dan kejiranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

# **KAJIAN PROGRAM MODUL SILANG BUDAYA UNTUK KELAB RUKUN NEGARA**

**Penyelidik:**

**M. Paramasivam  
Sabran, M. S.**

## KAJIAN PROGRAM MODUL SILANG BUDAYA UNTUK KELAB RUKUN NEGARA

M.Paramasivam  
Sabran, M. S.

### ABSTRAK

Modul Silang Budaya ini mula dirangka pada tahun 2014 oleh Jabatan Perpaduan Integrasi Negara dan Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Paramasivam dan sekumpulan pensyarah dari Universiti Putra Malaysia. Satu kajian telah dijalankan pada tahun 2016 bagi menguji keberkesanan Modul Silang Budaya tersebut. Modul ini mempunyai 3 bab iaitu budaya dan adat resam, sivik, dan kenegaraan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengatasi masalah sosial dan perkauman yang semakin berleluasa seiring dengan kemajuan teknologi di golongan muda. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menguji keberkesanan modul silang budaya di kalangan pelajar dalam meningkatkan hubungan pelbagai kaum, untuk mengenal pasti isu-isu pelaksanaan Modul Silang Budaya dan memberi saranan untuk penambahbaikan modul, serta menyediakan pelan pelaksanaan Modul Silang Budaya yang berterusan. Metodologi kajian ini ialah melalui pemerhatian oleh penyelidik dan pegawai JPNIN ketika lawatan ke sekolah yang dipilih. Soal selidik Likert Skala 5 untuk pengumpulan data disediakan bagi sebelum dan selepas kajian. Selain itu, seminar dijalankan di setiap zon sebelum kajian dijalankan. Dapatkan kajian dimana purata min  $> 3.67$  menunjukkan kajian ini signifikan dan modul ini boleh digunakan untuk meningkatkan hubungan integrasi kaum antara pelajar. Modul Silang Budaya merupakan program yang memberi impak positif yang tinggi dan perpaduan di kalangan peserta dan pihak kami berharap program ini diteruskan untuk menghasilkan individu yang memahami budaya kaum lain dan menghargai rakan, keluarga, masyarakat dan Negara dan modul ini merupakan *flagship* kepada JPNIN.

Kata kunci: Silang budaya, kenegaraan, moral dan sivik, budaya dan adat resam.

## STUDY OF MODULE SILANG BUDAYA FOR RUKUN NEGARA CLUB

M.Paramasivam  
Sabran, M. S.

### ABSTRACT

The module was initiated in 2014 by the Jabatan Perpaduan Integrasi Negara dan Nasional (JPNIN) in collaboration with Paramasivam and a group of lecturers from Universiti Putra Malaysia and to test the effectiveness of Modul Silang Budaya, a study was conducted in 2016. This module has 3 chapters namely cultural and customs, statehood and moral and civic. The purpose of this study is to overcome social and racial issues that are increasing in line with technological advances in young people. Thus, this study is conducted to test the effectiveness of Modul Silang Budaya among students in enhancing multi-racial ties, to identify cross-cultural module issues and to recommend modules for improvement, as well as to provide continuous cross-cultural module implementation plans. The methodology of this study is by observation by researchers and officers of JPNIN during the visit to selected school. Likert Scale 5 surveys for data collection are available before and after the study. In addition, talks were conducted at each zone before the study was conducted. The findings of this study indicated mean > 3.67 shows that this study is significant and this module can be used to improve the relationship between the students. The Modul Silang Budaya is a program that has a high positive impact and create unity among participants and we hope the program will continue to produce individuals who understand the culture of other races and appreciate friends, families, communities and countries and hence this module should be flagship of JPNIN.

Keywords: Cross cultural, statehood, moral and civic, cultural and customs

## Pengenalan

Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai pelbagai agama dan bangsa serta ia menjadi suatu cabaran bagi setiap individu untuk mengekalkan perpaduan yang sedia ada setelah insiden seperti rusuhan kaum 13 Mei 1969, kes Maria Hertogh, Kampung Medan dan insiden yang kecil seperti isu perarakan kepala lembu di Selangor, meletakkan kepala khinzir dalam masjid di Kuala Lumpur yang pernah melanda negara kita pada suatu masa dahulu. (Ramli, M. A., 2011). Sehubungan dengan itu, banyak kajian yang harus dijalankan untuk mengenalpasti apakah yang harus dilakukan untuk mengeratkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Modul ini bermula pada tahun 2014, namun pada masa tersebut, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) memerlukan pakar yang boleh menjalankan kajian untuk menguji keberkesanannya Modul Silang Budaya dan merujuk kepada Paramasivam Muthusamy yang mengemukakan kertas cadangan untuk program NGO dan seterusnya menawarkan diri bersama sekumpulan pensyarah Universiti Putra Malaysia untuk menjalankan Modul Silang Budaya pada masa pada tahun 2016. Pada awalnya, modul ini mempunyai 3 bab yang merangkumi 4 elemen iaitu adat resam, sivik, kenegaraan dan khidmat komuniti namun Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mengugurkan elemen khidmat komuniti. Modul ini kemudian diteruskan dengan 4 elemen bagi sebelum kajian dan 5 elemen bagi selepas kajian iaitu budaya dan adat resam, moral dan sivik, kenegaraan, pergaulan dan pengalaman perpaduan di kalangan pelajar, dan elemen ke lima ialah program silang budaya.

Bab pertama iaitu budaya dan adat resam merupakan ciri-ciri istimewa yang dimiliki oleh masyarakat Malaysia. Setiap negara mempunyai budaya dan adat resam yang berlainan. Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum yang terdiri daripada Melayu, Cina, India dan lain-lain. Setiap kaum berbeza antara satu sama lain dari segi perayaan, kepercayaan, pakaian dan banyak lagi. Dalam kepelbagaiannya warna-warni budaya dan adat resam ini, perkara yang lebih penting ialah sejaух manakah individu menghormati budaya dan adat resam kaum lain. Jika setiap individu tanpa mengira umur, status dan latar belakang kehidupan, menjaga tingkah laku, adab sopan, tutur bicara dan pemikiran dalam menghormati budaya dan adat resam setempat,

maka keamanan masyarakat berbilang kaum di Malaysia boleh dicapai yang akan menyumbang kepada produktiviti dan kemajuan negara.

Bab kedua ialah kenegaraan. Seiring dengan pembangunan teknologi dan ketamadunan negara isu masalah sosial dan perkauman semakin berleluasa dan semangat kemasyarakatan semakin berkurangan dalam kalangan remaja. Untuk mengatasi masalah tersebut, modul ini diterapkan dengan elemen kenegaraan yang akan menguji dan melatih diri remaja untuk menjadi golongan muda yang berjiwa kental dan cintakan negara. Masalah sosial ini dipercayai semakin meningkat berpunca daripada kurangnya aktiviti atau program yang dijalankan sebelum ini untuk menilai punca masalah tersebut. Oleh itu, melalui elemen ini, remaja akan sedar bahawa betapa pentingnya perpaduan, integrasi kaum dan keamanan bagi sesebuah negara serta menjadi contoh perkembangan yang berkesan.

Bab ketiga dalam modul ini ialah moral dan sivik. Elemen ini dirangka sebagai usaha untuk menyemai dan mempertingkatkan lagi nilai-nilai murni di kalangan pelajar dalam memupuk semangat perpaduan. Amat penting untuk mendedahkan pelajar dengan nilai-nilai murni agar diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia supaya menjadi manusia yang berkemahiran insaniah dan berbudi bahasa. Elemen ini penting disebabkan golongan muda sekarang tidak berminat dalam aktiviti kesukarelawan di mana mereka harus menyumbang bakti dan tenaga untuk kerja-kerja kemasyarakatan.

Program Silang Budaya anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah dilaksanakan untuk mencari dan membentuk perpaduan serta integrasi nasional di kalangan pelajar Kelab Rukun Negara yang terdiri daripada pelbagai kaum. Program ini dikendalikan di seluruh negara Malaysia. Kategori umur pelajar yang menyertai program ini adalah dari 10 hingga 18 tahun. Kajian ini dijalankan di sekolah yang terpilih oleh guru-guru atau penasihat Kelab Rukun Negara dan pegawai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Selain dari itu, guru penasihat, guru besar dan penolong kanan dari beberapa sekolah juga terlibat.

Program Silang Budaya adalah pengalaman yang dialami apabila dua atau lebih individu dari latar belakang berbeza berinteraksi. Perbezaan latar belakang ini merangkumi budaya luaran yang ketara seperti pakaian, rupa, bahasa, adat resam, makanan dan tempat tinggal. Manakala budaya dalaman yang tidak ketara adalah seperti pengetahuan, kepercayaan, moral dan nilai hidup. Apabila aspek perbezaan ini dihormati dan difahami ianya melahirkan perhubungan dan komunikasi yang positif dan harmoni. Sehubungan itu, program ini dapat membantu proses integrasi pelajar.

### Persoalan kajian

1. Sejauh manakah Modul Silang Budaya berkesan dalam meningkatkan hubungan antara pelajar berbilang kaum?
2. Apakah masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Modul Silang Budaya?
3. Mengenal pasti pelan pelaksanaan yang sesuai untuk Modul Silang Budaya?

### Objektif khusus program

1. Untuk menguji keberkesanan Modul Silang Budaya di kalangan pelajar dalam meningkatkan hubungan pelbagai kaum.
2. Untuk mengenal pasti isu-isu pelaksanaan Modul Silang Budaya dan memberi saranan untuk penambahbaikan modul.
3. Untuk menyediakan pelan pelaksanaan Modul Silang Budaya yang berterusan.

### Definisi konseptual dan operasional silang budaya

Menurut definisi konseptual ialah seperti berikut:

1. **Bermain**  
Bermain: Aktiviti dijalankan dalam suasana menyeronokkan dan santai
2. **Berkongsi**  
Berkongsi: Pelajar berkongsi mengenai pengalaman diri dan nilai diri

### 3. Bertoleransi

Bertoleransi: Pelajar belajar menerima perbezaan budaya, menghormati perbezaan dan tidak menyinggung sensitiviti pihak lain.

### Menurut definisi operasional ialah seperti berikut:

Silang Budaya ini mengkaji budaya dan adat resam, kenegaraan, serta moral dan sivik.

### Budaya dan adat resam dalam Modul Silang Budaya

#### 1. Budaya dan adat resam

Budaya dan adat resam membincangkan bagaimana aktiviti yang akan dijalankan membantu pelajar mengenali budaya dan latar belakang individu yang berlainan bangsa. Ia juga memfokuskan bagaimana seseorang individu berinteraksi dengan pelajar yang dari kumpulan yang berlainan etnik. Hal ini penting supaya pelajar tidak menyinggung perasaan pelajar yang berbeza latar belakang semasa berkomunikasi.

#### 2. Kenegaraan

Dari perspektif kenegaraan, modul ini ingin memberi pemahaman kepada pelajar tentang nilai persahabatan dengan rakan yang berlainan negeri dan negara serta menjaga kepentingan dan keamanan negara. Modul ini penting agar dapat menanam sifat cinta akan negara demi menjaga keselamatan negara. Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan setiap individu harus memastikan keamanan negara ini dijaga untuk generasi yang akan datang. Oleh itu, modul ini bertujuan untuk menanam pemahaman mereka mengenai tanggungjawab individu terhadap negara.

#### 3. Moral dan Sivik

Dari segi perspektif moral dan sivik, modul ini memfokuskan bagaimana modul ini boleh mendidik anak bangsa Malaysia untuk lebih bermoral dari segi pergaularan dan tingkah laku. Sehubungan

dengan itu, aktiviti modul ini mengajar pelajar untuk bercakap benar tanpa mengira situasi yang dihadapi, mengenali rakan kumpulan yang berlainan bangsa, mempunyai keyakinan diri dan menghormati rakan-rakannya. Hal ini penting kerana anak muda zaman sekarang lebih banyak terpengaruh dengan teknologi yang terlalu maju, menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan budaya barat seperti, pergaulan bebas, kurang beradap bersama ahli keluarga dan membuli. Berikut adalah sikap yang tidak bermoral dan sivik, dengan mengambil kira perkara ini, anak muda sekarang harus dididik kepentingan sikap bermoral dan sivik agar dapat menjaga keharmonian antara keluarga, rakan-rakan, dan negara.

#### **Menurut definisi konseptual ialah seperti berikut:**

Kelab Rukun Negara diperkenalkan kepada murid di setiap sekolah supaya mereka dapat mengetahui dan memahami falsafah serta prinsip-prinsip Rukun Negara. Rukun Negara adalah untuk menyemai prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara agar dapat mempertingkatkan kesedaran dan pemahaman murid.

#### **Menurut definisi operasional ialah seperti berikut:**

Kajian ini memfokuskan aktiviti yang perlu dijalankan di Kelab Rukun Negara untuk mencapai objektif yang diperkenalkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan kajian ini.

#### **Skop kajian**

Untuk mencapai objektif kajian ini, skop kajian amat penting agar kajian ini dapat mencapai tujuan utama dan Modul Silang Budaya dijadikan sebagai panduan untuk mengajar dan meneruskan Kelab Rukun Negara di setiap sekolah. Kajian ini memfokuskan beberapa buah sekolah dari kelima-lima zon iaitu zon utara, tengah, timur, selatan serta Sabah dan Sarawak. Sebelum kajian dijalankan kursus *Training of Trainers* (TOT) dijalankan di setiap sekolah untuk memastikan guru-guru atau wakil dari setiap sekolah memahami kehendak dan dijalankan mengikut kehendak

modul. Selain itu, kajian ini memfokuskan pelajar yang berumur dari 13 hingga 17 tahun kerana mereka merupakan remaja yang mudah terpengaruh dengan gejala sosial dan budaya barat. Memandangkan modul ini berteraskan perpaduan maka kajian ini perlu memastikan pelajar yang akan mengikuti program ini di setiap sekolah haruslah terdiri daripada pelajar perempuan dan lelaki yang berbilang bangsa seperti Melayu, Cina, India, Bumiputera dan lain-lain seperti Iban, Kadazan, Sikh agar dapat mencapai kehendak modul.


## Signifikasi kajian

Kajian Modul Silang Budaya ini amat penting kerana selaras dengan kemajuan negara, kemajuan teknologi turut meningkat namun sejauh manakah teknologi ini mempengaruhi tingkah laku dan pergaulan anak muda bangsa Malaysia. Vickory, D. (2018) menyatakan bahawa kajian baru menghubungkan kebimbangan, kemurungan teruk dan percubaan bunuh diri meningkat selaras dengan penggunaan telefon pintar, tablet dan peranti lain. Pakar-pakar kesihatan mental tempatan menggalakkan remaja dan ibu bapa untuk membentuk satu rutin yang boleh memupuk keseimbangan antara komunikasi yang sebenar berbanding maya. Jean Twenge, profesor psikologi di San Diego State University dan lulusan Universiti Chicago, telah menulis secara meluas mengenai kesihatan belia dan mental. Dia telah mengeluarkan satu kajian yang menunjukkan hubungan antara peningkatan telefon pintar dan peningkatan kadar kemurungan dan percubaan bunuh diri dalam kalangan remaja. Menurut (Pillay, 2017) sekitar 20 hingga 68 remaja yang mempunyai akaun Befrienders mempunyai tanggapan untuk membunuh diri. Selain itu, 21 peratus panggilan yang diterima adalah daripada kalangan remaja yang berumur dalam lingkungan 21 hingga 30 manakala 15 peratus adalah daripada kalangan mereka yang berumur 20 tahun dan ke bawah. Kajian menunjukkan kegiatan bunuh diri merupakan punca kematian yang kedua dalam kalangan remaja Malaysia. Maka bagi membendung masalah ini, pelajar harus digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh mengembangkan kuantiti dan kualiti rakan. Selaras dengan itu, modul ini akan membantu untuk mengatasi masalah ini.

## Metodologi kajian


Sampel kajian ini adalah pelajar perempuan dan lelaki yang berumur 10 hingga 18 tahun yang terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu Melayu, Cina, India, Bidayuh, Iban dan lain-lain. Pemilihan sekolah bagi kajian ini adalah secara rawak. *Training of Trainers* telah dijalankan di setiap zon dan seterusnya bergantung pada guru yang mewakili sekolah mereka di mana mereka akan menjalankan kajian Silang Budaya di sekolah masing-masing. Soal selidik sebelum dan selepas telah digunakan untuk mengumpul data bagi kajian daripada pelajar. Pelajar dikumpulkan di dewan sekolah dan diedarkan borang soal selidik sebelum kajian untuk diisi. Aktiviti Silang Budaya akan dijalankan oleh guru bersama pelajar dan akhirnya pelajar diminta untuk mengisi soal selidik selepas kajian. Selain itu, guru juga telah ditembual untuk mendapatkan maklum balas mengenai kajian. Data yang dikumpul akan dianalisis dengan SPSS Versi 22.0 untuk mendapatkan nilai purata bagi menentukan tahap signifikasi yang dibahagikan kepada 3 tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Nilai rendah ialah dari 0.00 hingga 2.33, manakala yang nilai sederhana ialah 2.34 hingga 3.67 dan bagi nilai purata tinggi adalah antara 3.68 hingga 5.00.

## Dapatan kajian



Rajah 1.0 : Zon Utara


Kajian ini mendapat keputusan yang sangat positif dimana keputusan dari setiap zon menunjukkan bahawa, terdapat peningkatan sebelum dan selepas kajian. Rajah 1.0 menunjukkan dapanan kajian bagi Zon Utara yang merangkumi negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis terdapat peningkatan di mana pada kategori Budaya Adat dan Resam serta kategori Kenegaraan sebanyak nilai purata berada pada 4.33 nilai min. Kategori Moral dan Sivik pula meningkat sebanyak 1.19 dimana nilai meningkat dari 3.19 nilai min kepada 4.38 nilai min. Bagi kategori Pergaulan dan Perpaduan terdapat peningkatan sebanyak 1.04, iaitu dari 3.28 nilai min kepada 4.32 nilai min. Kebanyakan pelajar dari utara ialah beragama Islam dan berbangsa Melayu namun peningkatan di kategori Moral dan Sivik amat menakjubkan. Hal ini kerana antara Moral dan Sivik ialah subjek yang ditumpukan kepada pelajar yang bukan beragama Islam dan peningkatan angka ini menunjukkan pelajar beragama Islam memahami rakan yang berlainan bangsa serta pergaulan mereka dengan pelajar yang beragama dan berbangsa adalah positif.



**Rajah 2.0 : Zon Tengah**

Rajah 2.0 menunjukkan dapanan dari Zon Tengah yang merangkumi SMK Taman Jasmin telah membuktikan keberkesanan modul apabila semua kategori yang dikaji selepas kajian berada dalam lingkungan 4 hingga 4.44 skor min. Hal ini disebabkan pelajar sudah biasa dengan suasana bersama rakan yang berlainan bangsa. Pada kategori Budaya dan Adat


Resam nilai min meningkat dari 3.93 kepada 4 dengan peningkatan sebanyak 1.07 nilai min. Peningkatan pada kategori kenegaraan adalah sedikit sahaja iaitu sebanyak 0.61 nilai min, tetapi skor min pada awalnya berada pada 4.05 dan meningkat kepada 4.21 nilai min. Skor min pada elemen Moral dan Sivik berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.23 dan meningkat sebanyak 0.04 nilai min. Pada kategori Perpaduan dan Pergaulan, tiada peningkatan dimana nilai berada pada tahap tinggi iaitu 4.07 nilai min sebelum dan selepas. Walaupun pengenalan Modul Silang Budaya adalah sesuatu yang baru kepada pelajar tahap pemahaman pelajar adalah tinggi iaitu sebanyak 4.44 skor min.



**Rajah 3: Zon Timur**


Rajah 3.0 menunjukkan dapatan kajian di Zon Timur yang meliputi negeri Pahang dimana 4 buah sekolah iaitu SMK Chini Timur, SMK Ketari, SMK Jerantut dan SMK Muadzam Jaya. Kategori Budaya dan Adat Resam serta Perpaduan dan Pergaulan Pelajar berada pada tahap sederhana. Kedua-dua kategori tersebut meningkat kepada tahap yang tinggi dengan peningkatan sebanyak 0.29 dan 0.30 nilai min masing-masing. Kategori Kenegaraan serta Moral dan Sivik berada pada tahap yang tinggi dengan nilai 3.75 skor min dan 3.85 skor in masing-masing. Nilai min kemudian meningkat sebanyak 0.31 dan 0.20 skor selepas kajian dimana skor Kenegaraan berada pada 4.06 dan skor Moral dan Sivik berada pada 4.05. Kesemua nilai skor berada pada hampir tahap tinggi dan pada tahap tinggi, hal ini kerana penduduk kawasan Timur yang majoriti adalah Islam dan mereka telah biasa dengan budaya, cara

pergaulan, moral dan kenegaraan antara mereka. Oleh itu, perpaduan dan semangat kekitaan antara satu sama lain adalah tinggi. Namun, Modul Silang Budaya masih boleh digunakan untuk meningkatkan perpaduan antara pelajar yang berlainan bangsa.



**Rajah 4.0: Zon Selatan**

Rajah 4.0 memaparkan dapatan kajian Zon Selatan yang merangkumi sekolah dari negeri Melaka. Di zon ini, kategori Budaya dan Adat Resam meningkat dari 3.67 kepada 3.88, kenegaraan meningkat dari 3.85 kepada 4.02, Moral dan Sivik dari 4.05 kepada 4.11 dan Perpaduan dan Pergaulan Pelajar dari 3.79 kepada 4.05. Pelajar dari zon ini adalah kebanyakan pelajar yang beragama Islam dan Buddha, maka peningkatan min menunjukkan bahawa pelajar berlainan agama ini menjadi rapat dan ia selaras dengan objektif kajian.



Rajah 5.0: Zon Sabah dan Sarawak

Rajah 5.0 menunjukkan dapatan kajian Zon Sabah dan Sarawak telah menguji lima buah sekolah iaitu SK St.Teresa Kuching Sarawak, SJK Chuang Hua 1 Sarawak, SMK Chuang Hua 2, SJK Chuang Hua 2 dan SMK Lohan Ranau di Sabah. Kajian ini pada awalnya ditumpukan di Semenanjung Malaysia kerana kaum dan etnik yang pelbagai namun, apa yang menakjubkan ialah apabila Sabah dan Sarawak menunjukkan peningkatan yang positif. Sabah dan Sarawak terdiri daripada kaum yang pelbagai tetapi mereka mempunyai pemahaman yang sama. Peningkatan ini adalah bukti bahawa Modul Silang Budaya boleh meningkatkan perpaduan walaupun kaum dan etnik yang sama.

### Impak kajian

Kesan daripada kajian ini adalah pelajar lebih berminat dengan aktiviti Modul Silang Budaya. Hal ini jelas berdasarkan laporan yang disertakan oleh guru sekolah di mana pelajar sekolah melibatkan diri secara aktif, dan banyak bertanya soalan kepada kumpulan pembentang semasa aktiviti permainan tradisional dari bab Kenegaraan dijalankan. Melalui aktiviti Silang Budaya, pelajar dapat membuka minda positif dengan menghormati budaya, adat resam, agama dan bangsa lain. Ia juga dapat meningkatkan kesedaran pelajar bahawa pentingnya mempamerkan kemahiran berinteraksi, bertoleransi dan bekerjasama dengan semua pelajar untuk menjaga keharmonian dan mengekalkan hubungan baik dalam masyarakat berbilang kaum. Kajian ini membuktikan pelajar yang

kurang berpengetahuan mengenai adat resam pelajar bangsa lain seperti adat resam oleh kaum India, pakaian kaum lain telah mengenalpasti jurang tersebut dan mengeratkan hubungan dengan lebih rapat bersama rakannya. Kajian ini mempunyai kesan yang positif terhadap pelajar dan guru kerana selain dari pelajar, ia juga mengeratkan hubungan guru dan rakan semasa aktiviti dijalankan.

## Kesimpulan

Menurut Abdullah, M. R. T. (2010), terdapat kajian lepas yang dijalankan di Universiti Utara Malaysia membuktikan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai sentimen perkauman yang tinggi di mana mereka suka bergaul dengan pelajar yang sama kaum menyebabkan proses sosialisasi yang dilalui sebelum pelajar menjelak kaki di kampus. Bin Mior Jamaluddin, M. K. A. (2011) menyatakan bahawa hubungan masyarakat yang berbilang kaum ini mempunyai risiko yang tinggi. Oleh itu nilai-nilai murni perlu ditekankan di dalam sistem pendidikan agar dapat menjaga keharmonian masyarakat. Sehubungan dengan itu, Modul Silang Budaya merupakan modul yang terbaik untuk dijalankan di sekolah secara menyeluruh selain daripada memfokuskan di kelab Rukun Negara supaya semua pelajar di sekolah dapat menghayati modul ini dan mengeratkan hubungan pelajar antara berbilang kaum dan bangsa. Melalui kajian Silang Budaya Kelab Rukun Negara, keputusan aktiviti sebelum dan selepas menunjukkan peningkatan. Hal ini membuktikan bahawa pemahaman pelajar meningkat dan objektif modul tercapai. Pelajar dapat mewujudkan semangat kekitaan bersama rakan dari pelbagai kaum. Purata Skor Min sebanyak 3.67 sebelum dan selepas merupakan bukti bahawa modul ini berjaya dan boleh diaplikasikan di semua sekolah bagi mengukuhkan Kelab Rukun Negara. Selain itu, *Training of Trainers* harus diteruskan dalam kalangan guru dan pegawai Jabatan sebagai mekanisma untuk memantapkan pelaksanaan program dengan bantuan pakar sosial. Hal ini penting kerana guru merupakan individu yang berpendidikan tinggi. Oleh itu, pegawai yang lebih pakar perlu menjelaskan modul ini agar guru patuh pada arahan yang diberi. Modul Silang Budaya merupakan program yang boleh memberi impak positif yang tinggi dan perpaduan dalam kalangan peserta dan pihak kami berharap program ini diteruskan bagi masa hadapan untuk menghasilkan individu yang memahami budaya kaum lain dan menghargai rakan, keluarga, masyarakat dan Negara. Modul Silang Budaya merupakan *flagship* kepada JPNIN dan

digunakan sebagai kayu pengukur terhadap program-program Kelab Rukun Negara yang akan dilaksanakan. Modul Silang Budaya harus diteruskan di semua sekolah mahupun sekolah rendah agar perpaduan dapat dipupuk dari awal lagi. Sekolah yang tidak menjalankan aktiviti Silang Budaya harus mengambil inisiatif untuk menjalankan aktiviti tersebut agar lebih ramai pelajar mengenali Modul Silang Budaya.

## Cadangan

Dasar-dasar kerajaan yang sedia ada seperti Rukun Negara, Dasar Pendidikan Negara dan Dasar Ekonomi Baru tidak cukup untuk memastikan keseimbangan perpaduan dalam masyarakat Malaysia tanpa adanya kesedaran dan kefahaman yang telus dan jelas bagi setiap lapisan rakyat. (Haled, M. H. M.). Selain itu, usaha penerapan Modul Silang Budaya harus dijalankan sejak sekolah rendah bagi membimbing anak-anak sebagai penerus generasi yang akan datang dan dapat melahirkan pelajar yang minat dan memahami budaya serta nilai-nilai positif antara kaum. Dengan ini diharapkan Modul Silang Budaya ini mendapat komitmen dan sokongan penuh supaya hasrat kerajaan untuk membentuk generasi yang akan mengamalkan nilai-nilai murni dan nilai bersama antara kaum dapat dilahirkan. Modul ini akan dapat mengorak langkah yang positif untuk memberi penerangan pengetahuan dan memupuk nilai-nilai perpaduan dan integrasi pelbagai kaum sejak sekolah rendah. Modul Silang Budaya harus dilaksanakan sebagaimana pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara agar perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia semakin kukuh. Apakah manfaatnya sekiranya dasar dilaksanakan dengan baik tetapi hubungan masyarakat tidak baik, ia pastinya sukar untuk kita sebagai rakyat Malaysia untuk bergerak maju ke hadapan (Bin Mior Jamaluddin, M. K. A., 2011).

Oleh itu, untuk mencapai matlamat perpaduan, kita sebagai masyarakat Malaysia perlu berganding bahu agar Malaysia dijadikan sebagai negara contoh kepada negara lain. Pihak kami bercadang Modul Silang Budaya ini dapat digunakan di semua sekolah oleh guru bagi mengukuhkan Kelab Rukun Negara agar dapat memupuk perpaduan antara pelajar dari peringkat awal lagi. Modul Silang Budaya dijadikan sebagai pengukur perpaduan dalam kalangan pelajar. Modul Silang Budaya dijadikan sebagai *flagship* bagi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

## Rujukan

- Astro Awani. (2018). Gejala penagihan dadah satu masalah kesihatan kronik - Khairy Jamaluddin.
- Abdullah, M. R. T. (2010). Cabaran Integrasi Antara Kaum Di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan (The Challenges of Multi-Racial Integration in Malaysia: Historical, Family and Education Perspective). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 2(1), 61-84.
- Berita Harian. (2018). Kaji punca masalah perkauman di SJKC.
- Bin Mior Jamaluddin, M. K. A. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Sosiohumanika*, 4(1).
- Haled, M. H. M. Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*.
- Jean M. Twenge, Thomas E. Joiner, Megan L. Rogers, Gabrielle N. Martin. Increases in Depressive Symptoms, Suicide-Related Outcomes, and Suicide Rates among U.S. Adolescents after 2010 and Links to Increased New Media Screen Time.
- Kelab Rukun Negara | Portal Rasmi Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). (2018).
- Pillay, S. (2017). Suicide on the rise among Malaysian youth. News Straits Times.
- Ramli, M. A. (2011). Dialog antara agama: Realiti dan prospek di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 29(2), 91-110.
- San Diego State University. (2017, November 14). Screen time might boost depression, suicide behaviors in teens
- Vickory, D. (2018). Technology triggers teen depression. *The Star Online*.



# **TAHAP INTEGRASI ANTARA ETNIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**Penyelidik:**

**Mohd Ra'in Shaari  
Adenan Ayob  
Zarima Zakaria  
Abdullah Yusof**

## TAHAP INTEGRASI ANTARA ETNIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Mohd Ra'in Shaari, Adenan Ayob  
Zarima Zakaria, Abdullah Yusof

### ABSTRAK

Penyelidikan ini meneliti tahap integrasi antara etnik di Semenanjung Malaysia. Beberapa tokoh berpendapat bahawa tahap integrasi antara etnik di Semenanjung Malaysia agak membimbangkan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti tahap integrasi antara etnik di Semenanjung Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Sejumlah 1544 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden di semua negeri di Semenanjung Malaysia. Data deskriptif dianalisis dari segi min dan sisihan piawai. Bagi inferensi pula, data dianalisis dengan menggunakan Ujian-T Satu Sampel. Min-min yang ditentukan dalam setiap dimensi dianalisis dari sudut perbezaan untuk menentukan dapatan yang signifikan atau data yang telah diuji. Dapatkan kajian ini mendapati semua soalan kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam tahap integrasi antara etnik di Semenanjung Malaysia.

Kata Kunci: integrasi, etnik, budaya, konflik, negara

## 1.0 Pengenalan

Menurut Nurallya Sufian (2006), Malaysia adalah sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik yang mengamalkan cara hidup yang tersendiri. Perbezaan ini dapat dilihat melalui bahasa, politik, ekonomi, tempat tinggal dan hubungan sosial. Masyarakat Malaysia terdiri daripada etnik Cina, etnik India dan etnik Melayu. Manakala di Sabah dan Sarawak terdapat etnik Kadazan, Iban, Kayan, Bajau, Bidayuh dan banyak lagi. Mereka ini juga dianggap sebagai etnik Bumiputera selain orang-orang Melayu termasuk orang Asli.

Konsep etnik membentuk konsep etnisiti dan etnosentrisme. Etnisiti merujuk kepada rasa kekitaan sesuatu kumpulan etnik tertentu. Hal ini bererti wujudnya satu kebudayaan atau sub budaya yang jelas yang menyatukan anggotanya dengan satu sejarah, nilai, sikap dan tingkah laku yang sama. Etnosentrisme pula merujuk kepada kepercayaan atau rasa bangga yang wujud dalam kalangan anggota sesebuah kelompok etnik bahawa budaya dan etnisiti mereka adalah jauh lebih baik dan hebat daripada kelompok lain. Etnosentrisme juga membawa makna suatu perspektif yang melihat kelompok etnik lain menerusi lensa dan kaca mata etnik itu sendiri. Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat tentang budaya dan cara hidup etnik-etnik di Malaysia.

## 2.0 Pernyataan masalah

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai etnik. Bagaimanapun, setakat ini tiada kajian menyeluruh dilakukan berkaitan kefahaman sesuatu etnik lain terhadap budaya dan agama sesuatu etnik yang lain. Kefahaman tentang budaya dan amalan agama lain perlu difahami oleh masyarakat etnik lain agar tidak berlaku keadaan salah faham atau salah persepsi antara etnik sehingga menimbulkan gangguan ketenteraman awam. Misalnya, ramai masyarakat Islam keliru apabila Perdana Menteri memakai "kurta" dan kalungan bunga semasa perayaan Thaipusam telah dianggap menggadai iman, tetapi sebenarnya "kurta" atau kalungan bunga bukan amalan agama, sebaliknya

ia adalah amalan kebudayaan masyarakat India sahaja. Justeru, satu kajian perlu dilakukan untuk mengetahui sejauh manakah kefahaman sesuatu etnik itu terhadap amalan budaya dan agama etnik yang lain.

Menurut Azra (2005), dalam kajiannya yang bertajuk “Sekolah Satu Aliran Pupuk Perpaduan” menyatakan terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi wujudnya masalah hubungan etnik. Sehingga kini, kita masih lagi berhadapan dengan kekangan untuk memupuk integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia. Walaupun di peringkat sekolah menengah, etnik Melayu, Cina dan India serta etnik-etnik lain sama-sama mengikuti pembelajaran, tidak wujud semangat kekitaan yang menyeluruh. Masih wujud budaya prejudis dan stereotaip. Budaya ini berlanjutan hingga ke universiti di mana pelajar Melayu hanya bercampur dengan pelajar Melayu, manakala pelajar lain terus bersama etniknya. Jadi, tidak hairan jika kita terus mendapati bahawa sehingga kini pengasingan etnik ini masih terus lagi wujud.

Kamarulzaman (2007), menyatakan bahawa isu hubungan etnik dan masalah yang timbul dari “hubungan” ini bukanlah perkara yang baru dalam konteks Malaysia. Masalah tinggalan era penjajah ini kerap timbul dari masa ke semasa walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk mengurus dan menyelesaikannya. Dalam beberapa tahun ini sahaja, kita berhadapan dengan insiden-insiden yang mencabar keutuhan hubungan etnik di negara ini dan memberi tanda tanya tentang keberkesanan program-program yang telah diperkenalkan untuk mewujudkan perdamaian dan perhubungan etnik yang positif. Antara insiden besar termasuk kes-kes Kampung Rawa pada tahun 1998 dan Kampung Medan pada tahun 2001. Di samping itu, data-data yang dikumpulkan oleh Jabatan Perpaduan mengenai insiden konflik kerana isu etnik atau perkauman adalah sedikit (cuma 1 peratus dari semua jenis isu konflik) insiden-insiden lain yang melibatkan isu-isu seperti sosial, agama, keselamatan, politik, dan ekonomi, banyak melibatkan faktor atau pelaku dari kumpulan etnik yang berbeza.

### 3.0 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

- i. Mengenal pasti tahap integrasi etnik yang terdapat di Semenanjung Malaysia.
- ii. Mengenal pasti perbezaan dalam tahap integrasi etnik yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

### 4.0 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap integrasi etnik yang terdapat di Semenanjung Malaysia?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap integrasi etnik yang terdapat di Semenanjung Malaysia?

### 5.0 Metodologi

#### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Reka bentuk ini dimodifikasi daripada pandangan Campbell dan Stanley (1969).

#### Kaedah Kajian

Kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini dipilih kerana responden ditemu bual secara tertutup berdasarkan instrumen kajian yang telah ditetapkan. Kaedah ini dipilih menerusi penyesuaian dengan data pendapat yang telah dioperasionalisasikan. Secara umumnya kajian kuantitatif ini adalah untuk mengenal pasti dan mengkaji secara empirikal dan sistematik berkaitan dengan kajian tahap integrasi etnik di Semenanjung Malaysia. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Menurut Mohd Majid Konting (1998), menyatakan kajian tinjauan merupakan salah satu jenis kajian dalam penyelidikan deskriptif. Menurut Creswell, (1994) reka bentuk kajian tinjauan adalah prosedur dalam penyelidikan kuantitatif yang memerlukan pengkaji menjalankan satu tinjauan terhadap sampel atau keseluruhan populasi. Kaedah kuantitatif digunakan oleh pengkaji berikut daripada instrumen-instrumen yang dijalankan iaitu set soal selidik.

Data pendapat daripada temu bual telah dianalisis selanjutnya dengan menggunakan Ujian-t Satu Sampel. Dalam hal ini, min-min yang ditentukan dalam setiap dimensi dianalisis dari sudut perbezaan untuk menentukan dapatan yang signifikan atau data yang telah diuji.

Dalam kajian ini, borang soal selidik yang digunakan berbentuk soalan tertutup dan berdasarkan Skala Likert. Soalan tertutup mempunyai jawapan-jawapan tertentu yang disediakan. Responden memilih jawapan yang paling sesuai tentang fenomena yang berkaitan. Skala Likert mempunyai pernyataan yang mempunyai tahap persetujuan. Dalam bentuk asal skala ini mempunyai 5 poin iaitu: 1. Sangat Tidak Setuju, 2. Tidak Setuju, 3. Tiada Komen, 4. Setuju dan 5. Sangat Setuju.

## **6.0 Analisis Deskriptif**

### **Taburan Responden Kajian**

**Jadual 1.1:Taburan Responden Kajian  
Mengikut Variabel (Etnik)**

Variabel		Kekerapan	Peratus
<b>Jantina</b>	Lelaki	595	38.5
	Perempuan	949	61.5
	<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>
<b>Umur</b>	15-20	468	30.3
	21-30	458	29.7
	31-40	244	15.8
	41-50	243	15.7
	51-70	131	8.5
	<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>
<b>Bangsa</b>	Melayu	997	64.6
	Cina	268	17.4
	India	220	14.2
	Lain-lain	59	3.8
	<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>

Variabel		Kekerapan	Peratus
<b>Kelulusan Akademik</b>	PMR	116	7.5
	SPM	553	35.8
	STPM	486	31.5
	Ijazah Sarjana Muda	317	20.5
	Ijazah Sarjana	33	2.1
	Lain-lain	39	2.5
	<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>
<b>Pengalaman</b>	Tiada	554	35.9
	1-5 tahun	377	24.4
	6-10 tahun	197	12.8
	11-15 tahun	164	10.6
	15 tahun ke atas	252	16.3
	<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>
<b>Negeri</b>	Kuala Lumpur	241	15.70
	Selangor	273	17.8
	Negeri Sembilan	257	16.7
	Johor	83	5.3
	Melaka	72	4.6
	Pahang	94	6.0
	Terengganu	100	6.4
	Kelantan	100	6.4
	Perlis	72	4.6
	Kedah	83	5.3
	Pulau Pinang	79	5.1
	Perak	90	5.9
	<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>

Jadual 1.1 menunjukkan taburan responden kajian mengikut variabel (etnik) yang mencakupi jantina, umur, bangsa, kelulusan akademik tertinggi dan pengalaman dalam pekerjaan.

Aspek jantina mencakupi lelaki dan perempuan yang melibatkan 1544 responden dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik. Peratusan tertinggi bagi jantina perempuan iaitu sebanyak 61.5% (949), manakala jantina lelaki sebanyak 38.5% (595).

Seterusnya aspek umur. Terdapat lima kategori umur iaitu 15-20, 21-30, 31-40, 41-50 dan 51-70. Peratusan tertinggi diwakili oleh kategori 15-20 tahun dengan 30.3% (468), manakala peratusan terendah pula diwakili oleh kategori 51-70 tahun dengan 8.5% (131). Diikuti dengan kategori 21-30 tahun dengan 29.7% (458), kategori 31-40 tahun dengan 15.8% (244), dan kategori 41-50 dengan 15.7% (243).

Aspek bangsa pula terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Bangsa Melayu mendominasi aspek bangsa iaitu dengan 64.6% (997). Diikuti oleh bangsa Cina iaitu 17.4% (268) dan bangsa India dengan 14.2% (220). Manakala, bangsa lain-lain mencatat peratusan terendah iaitu 3.8% (59).

Dari aspek kelulusan akademik tertinggi pula mencakupi Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pendidikan Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia (STPM)/Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan lain-lain. Peratusan tertinggi etnik yang berkelulusan SPM iaitu dengan 35.8% (553), diikuti oleh STPM dengan 31.5% (486). Seterusnya Ijazah Sarjana Muda mencatat peratusan sebanyak 20.5% (317), diikuti oleh PMR yang mencatat peratusan sebanyak 7.5% (116), lain-lain kelulusan sebanyak 2.5% (39) dan Ijazah Sarjana mencatatkan peratusan terendah iaitu dengan 2.1% (33).

Aspek seterusnya ialah pengalaman dalam pekerjaan. Terdapat lima kategori bagi aspek ini iaitu tiada pengalaman, 1 hingga 5 tahun, 6 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun dan 16 tahun ke atas. Tiada pengalaman mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 35.9% (554), diikuti 1 hingga 5 tahun iaitu sebanyak 24.4% (377), seterusnya 16 tahun ke atas mencatatkan peratusan sebanyak 16.3% (252), diikuti 6 hingga 10 tahun sebanyak 12.8% (197) dan 11 hingga 15 tahun mencatatkan peratusan terendah dengan 10.6% (164).

Aspek terakhir ialah pecahan responden mengikut negeri. Terdapat 12 negeri di Semenanjung Malaysia yang dikaji. Berikut ialah pecahan responden mengikut negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 15.70% (241), Selangor 17.8% (273), Negeri Sembilan 16.7% (257), Johor 5.3% (83), Melaka 4.6% (72), Pahang 6.0% (94), Terengganu 6.4% (100), Kelantan 6.4% (100), Perlis 4.6% (72), Kedah 5.3% (83), Pulau Pinang 5.1% (79), dan Perak 5.9% (90).

### **Tahap Integrasi Antara Etnik**

Dalam bahagian instrumen soal selidik, responden dikehendaki membulatkan pilihan jawapan berdasarkan skala positif yang berikut:

- 5 Sangat setuju
- 4 Setuju
- 3 Tiada komen
- 2 Tidak setuju
- 1 Sangat tidak setuju

#### **Apakah tahap integrasi etnik yang terdapat di Semenanjung Malaysia?**

Bil	Soalan	Skala Likert	Kekerapan	Peratus (%)
1	Saya bersedia berkenalan dengan rakan yang berlainan etnik.	Sangat tidak setuju	31	2.0
		Kurang setuju	45	2.9
		Tiada komen	132	8.5
		Setuju	707	45.8
		Sangat setuju	629	40.7
		<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>
2	Saya selesa berbual dengan rakan tanpa mengira etnik.	Sangat tidak setuju	6	4
		Kurang setuju	62	4.0
		Tiada komen	165	10.7
		Setuju	749	48.5
		Sangat setuju	562	36.4
		<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>


<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>Skala Likert</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
3	Saya kerap menziarahi rumah rakan yang berlainan etnik.	Sangat tidak setuju	33	2.1
		Kurang setuju	213	13.8
		Tiada komen	558	36.1
		Setuju	528	34.2
		Sangat setuju	212	13.7
		<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>
4	Saya lebih suka berkawan dengan rakan yang sama etnik.	Sangat tidak setuju	89	5.8
		Kurang setuju	301	19.5
		Tiada komen	327	21.2
		Setuju	549	35.6
		Sangat setuju	278	18.0
		<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>
5	Saya lebih suka makan makanan etnik sendiri.	Sangat tidak setuju	92	6.0
		Kurang setuju	268	17.4
		Tiada komen	296	19.2
		Setuju	541	35.0
		Sangat setuju	347	22.5
		<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>
6	Saya lebih suka makan semeja dengan rakan yang sama etnik	Sangat tidak setuju	92	6.0
		Kurang setuju	319	20.7
		Tiada komen	348	22.5
		Setuju	526	34.1
		Sangat setuju	259	16.8
		<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>
7	Saya lebih suka bersiar-siar bersama dengan rakan yang sama etnik.	Sangat tidak setuju	71	4.6
		Kurang	318	20.6
		Tiada komen	346	22.4
		Setuju	544	35.2
		Sangat setuju	265	17.2
		<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>Skala Likert</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
8	Saya lebih selesa untuk tinggal sebilik dengan rakan yang sama etnik.	Sangat tidak setuju Kurang setuju Tiada komen Setuju Sangat setuju	60 221 300 571 392	3.9 14.3 19.4 37.0 25.4
		<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>
9	Saya lebih suka membantu rakan-rakan yang sama etnik.	Sangat tidak setuju Kurang setuju Tiada komen Setuju Sangat setuju	96 361 313 505 269	6.2 23.4 20.3 32.7 17.4
		<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>
10	Saya menghormati cara berpakaian etnik lain.	Sangat tidak setuju Kurang Tiada komen Setuju Sangat setuju	20 62 129 617 716	1.3 4.0 8.4 40.0 46.4
		<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>

**1. Saya bersedia berkenalan dengan rakan yang berlainan etnik**

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	31	2.0	4.20
Kurang setuju	45	2.9	
Tiada komen	132	8.5	
Setuju	707	45.8	
Sangat setuju	629	40.7	
<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>	

**Saya bersedia berkenalan dengan rakan yang berlainan etnik**




Responden bersetuju dengan 45.8% (707) dan diikuti dengan sangat bersetuju 40.7% (629) bahawa mereka akan berkenalan dengan rakan yang berlainan etnik. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun berbeza agama, pakaian, adat dan budaya namun tidak membatas responden untuk berkenalan antara satu masa lain dan seterusnya menjalankan hubungan erat. Selain itu, min bagi item ini ialah 4.20 ini membuktikan bahawa purata bagi soalan ini adalah pada skala likert setuju. Oleh yang demikian, hasil analisis mendapati bahawa min dan skala likert berkenaan adalah bersesuaian dengan tindak balas responden pada soalan berkenaan.

## 2. Saya selesa berbual dengan rakan tanpa mengira etnik

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	6	4	
Kurang setuju	62	4.0	
Tiada komen	165	10.7	
Setuju	749	48.5	
Sangat setuju	562	36.4	
<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>	

**Saya selesa berbual dengan rakan tanpa mengira etnik**




Min bagi item ini ialah 4.16 dan ini bersesuaian dengan tindak balas responden yang bersetuju dengan 48.5% (749) bagi item ini iaitu saya selesa berbual dengan rakan tanpa mengira etnik. Keadaan ini membuktikan bahawa majoriti responden bersetuju dengan pernyata tersebut. Ini kerana, responden berpendapat bahawa mereka selesa berbual dengan rakan tanpa mengira etnik kerana mereka dapat belajar dialek, budaya, adat, pakaian dan sebagainya. Sebagai contoh tidak kira di universiti awam atau swasta terdapat pelbagai etnik yang menuntut ilmu dan disitulah mereka akan berkenalan yang berbual-bual antara satu sama lain dan secara tidak langsung mereka akan dengar dan belajar dialek masing-masing melalui percakapan daripada etnik yang berbeza.

**3. Saya kerap menziarahi rumah rakan yang berlainan etnik**

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	33	2.1	3.43
Kurang setuju	213	13.8	
Tiada komen	558	36.1	
Setuju	528	34.2	
Sangat setuju	212	13.7	
<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>	

**Saya kerap menziarahi rumah rakan yang berlainan etnik**




Peratusan tertinggi bagi item ini ialah 36.1% dengan 558 responden yang berpendapat tiada komen dan diikuti dengan 34.2% iaitu 528 responden yang bersetuju bagi item ini bahawa saya kerap menziarahi rumah rakan yang berlainan etnik. Keadaan ini menunjukkan bahawa purata keseluruhan bagi item ini ialah 3.43 iaitu berada pada skala likert 3 tiada komen. Hal ini bersesuaian dengan tindak balas responden pada soalan berkenaan.

#### 4. Saya lebih suka berkawan dengan rakan yang sama etnik

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	89	5.8	3.40
Kurang setuju	301	19.5	
Tiada komen	327	21.2	
Setuju	549	35.6	
Sangat setuju	278	18.0	
<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>	

**Saya lebih suka berkawan dengan rakan yang sama etnik**




Peratusan tertinggi bagi soalan ini iaitu 35.6% (549) responden yang bersetuju bahawa saya lebih suka berkawan dengan rakan yang sama etnik. Keadaan ini membuktikan bahawa mereka masih lagi mempunyai sikap yang pentingkan etnik dalam faktor memilih kawan. Peratusan terendah pula dengan 5.8% (89) iaitu sangat tidak setuju. Manakala purata keseluruhan pula berada pada skala likert tiada komen iaitu 3.40.

## 5. Saya lebih suka makan makanan etnik sendiri

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	92	6.0	3.50
Kurang setuju	268	17.4	
Tiada komen	296	19.2	
Setuju	541	35.0	
Sangat setuju	347	22.5	
<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>	

**Saya lebih suka makan makanan etnik sendiri**




Tindak balas responden menunjukkan 35.0% (541) orang responden yang setuju bahawa saya lebih suka makan makanan etnik sendiri. Keadaan ini membuktikan bahawa setiap etnik mempunyai pelbagai jenis makanan yang berbeza-beza sejak turun-temurun lagi. Sebagai contoh etnik Cina tersohor dengan tauhu, etnik India capati dan etnik Melayu nasi lemak, nasi kerabu dan sebagainya. Namun secara keseluruhannya wajar setiap etnik menyukai makanan mereka masing-masing. Hal ini bersesuaian dengan min bagi item ini iaitu 3.50 yang berada pada skala likert tiada komen.

**6. Saya lebih suka makan semeja dengan rakan yang sama etnik**

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	92	6.0	3.35
Kurang setuju	319	20.7	
Tiada komen	348	22.5	
Setuju	526	34.1	
Sangat setuju	259	16.8	
<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>	

**Saya lebih suka makan semeja dengan rakan yang sama etnik**




Dari hasil kajian mendapati bahawa peratusan tertinggi bagi item ini 34.1 (526) iaitu setuju bahawa saya lebih suka makan semeja dengan rakan yang sama etnik. Keadaan ini membuktikan bahawa mereka yang makan semeja dengan rakan yang sama etnik ini memudahkan mereka untuk berkomunikasi berbanding dengan yang berlainan etnik. Ini kerana, jika berlainan etnik mereka mungkin mengalami masalah untuk memahami bahasa yang digunakan semasa bercakap. Manakala peratusan terendah pula dengan 6.0 (92) responden yang sangat tidak setuju dan min bagi item ini 3.35 iaitu berada pada Skala Likert tiada komen.

**7. Saya lebih suka bersiar-siar bersama dengan rakan yang sama etnik**

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	71	4.6	3.39
Kurang setuju	318	20.6	
Tiada komen	346	22.4	
Setuju	544	35.2	
Sangat setuju	265	17.2	
<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>	

**Saya lebih suka bersiar-siar bersama dengan rakan yang sama etnik**




Peratusan yang tertinggi bagi item ini dengan 35.2% (544) responden yang bersetuju bahawa saya lebih suka bersiar-siar bersama dengan rakan yang sama etnik. Manakala peratusan terendah pula dengan 4.6% (71) dan min 3.39. Oleh itu, hasil kajian bagi item ini menunjukkan bahawa setiap etnik mempunyai hak masing-masing untuk bersiar dan meluangkan masa bersama dengan mereka yang disukai sama ada berbeza atau sama etnik.

**8. Saya lebih selesa untuk tinggal sebilik dengan rakan yang sama etnik**

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	60	3.9	3.65
Kurang setuju	221	14.3	
Tiada komen	300	19.4	
Setuju	571	37.0	
Sangat setuju	392	25.4	
<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>	

**Saya lebih selasa untuk tinggal sebilik dengan rakan yang sama etnik**




Setuju dengan 37.0% (571) merupakan peratusan yang tertinggi bagi item bahawa saya lebih selesa untuk tinggal sebilik dengan rakan yang sama etnik. Keadaan ini membuktikan bahawa mereka perlu menjaga hak mereka bila tinggal bersama dengan berlainan etnik terutamanya dari segi aurat. Bagi etnik perempuan mereka perlu berpakaian tertutup bila tinggal dengan berlainan etnik. Manakala peratusan terendah pula dengan 3.9% (60) iaitu sangat tidak setuju dan min pula 3.65 iaitu berada pada skala likert tiada komen.

**9. Saya lebih suka membantu rakan-rakan yang sama etnik**

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	96	6.2	3.31
Kurang setuju	361	23.4	
Tiada komen	313	20.3	
Setuju	505	32.7	
Sangat setuju	269	17.4	
<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>	

**Saya lebih suka membantu rakan-rakan yang sama etnik**




Peratusan tertinggi dengan 32.7% (505) adalah setuju, diikuti dengan 20.3% (313) orang responden yang tiada komen. Hal ini membuktikan bahawa setiap etnik lebih suka untuk membantu rakan mereka yang sama etnik. Keadaan ini kerana, apabila sama etnik mereka berasa yakin untuk menghulurkan bantuan berbanding dengan yang berbeza etnik kerana jika berlainan etnik tahap kepercayaan untuk menolong adalah kurang dan risau jikalau mereka mempunyai niat yang tidak baik terhadap kita. Manakala min pula 3.31 iaitu tiada komen dan hal ini bersesuaian dengan soalan yang dikemukakan.

## 10. Saya menghormati cara berpakaian etnik lain

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	20	1.3	4.26
Kurang setuju	62	4.0	
Tiada komen	129	8.4	
Setuju	617	40.0	
Sangat setuju	716	46.4	
<b>Jumlah</b>	<b>1544</b>	<b>100.0</b>	

**Saya menghormati cara berpakaian etnik lain**



Peratusan tertinggi bagi item ini iaitu 46.4% (716) orang responden yang sangat setuju dan diikuti dengan 40.0% (617) orang responden yang setuju bahawa saya menghormati cara berpakaian etnik lain. Keadaan ini membuktikan bahawa setiap etnik mempunyai hak masing-masing dalam cara berpakaian dan adat untuk memakainya. Sebagai contoh, etnik Melayu memakai baju kurung bagi perempuan dan lelaki memakai baju Melayu, etnik India pula memakai sari dan etnik Cina memakai ceongsam. Begitu juga dengan etnik di Sabah dan Sarawak yang mempunyai pakaian tradisional mereka yang tersendiri dan unik. Manakala peratusan terendah pula 1.3% (20) orang responden sangat tidak setuju dan min 4.64 yang menunjukkan pada skala likert setuju.

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap integrasi etnik yang terdapat di Semenanjung Malaysia?

Jadual 1.2: Tahap Integrasi antara Etnik

	Min	SP	t	*Sig.
Tahap Integrasi antara Etnik	3.54	0.17	67.3	0.0000

\*Paras signifikan  $< 0.05$

SP ialah sisihan piawai

Jadual di atas menunjukkan min (3.54) dan SP (0.17). Dalam dapatan,  $t=67.3$ ,  $p < 0.05$ . Ini memaparkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap integrasi antara etnik.

## 7.0 Kesimpulan

Analisis di atas telah memaparkan tahap integrasi antara etnik di Semenanjung Malaysia. Secara keseluruhannya pengkaji menemui jumlah kekerapan kumulatif bagi keseluruhan pernyataan tahap integrasi antara etnik adalah tinggi pada tindak balas responden pada item “saya bersedia berkenalan dengan rakan yang berlainan etnik dengan 86.5%. Ini membuktikan semua etnik mempunyai keinginan untuk berkenalan dengan orang lain yang terdiri daripada etnik yang berbeza-beza. Oleh itu, tidak hairanlah jika negara Malaysia mempunyai masyarakat yang bersatu padu.

## RUJUKAN

Azra (2005). Sekolah satu aliran pupuk perpaduan. Perak: Portal Komuniti Warga Pendidikan Daerah Kerian.

Campbell, D. T., & Stanley, J. C. (1969). Experimental and quasi-experimental designs for research on teaching. In N. L. Gage (Ed.) *Handbook of research on teaching* (pp. 171-246). Chicago, IL: Rand McNally.

Creswell (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. New York: Sage Publications.

Kamarulzaman Askandar (2007). *Perpaduan dan Perdamaian Etnik*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nurallya Sufian (2006). *Pembangunan Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Era Didik.



# **MEDIATION IN INTELLECTUAL PROPERTY DISPUTES**

**Penyelidik:**

**Nazura Abdul Manap  
Siti Naaishah Hambali  
Mohamad Rizal Abdul Rahman  
Asma Hakimah Ab Halim  
Haliza A.Shukor**

## MEDIATION IN INTELLECTUAL PROPERTY DISPUTES

Nazura Abdul Manap, Siti Naaishah Hambali, Mohamad Rizal Abdul Rahman, Asma Hakimah Ab Halim, Haliza A.Shukor

### ABSTRACT

Intellectual property disputes have been there for ages since the commercialization of human intellectual creativity. The conflict of intellectual property is known for its unpredictable cost. There is no answer to what is the precise value of litigation. Thus, involving in IP disputes may lead to either party suffering lost which creates unpleasant situations. Mediation would be the best mechanism in settling such dispute. It will assist the parties to opt more sensible decision through identifying the needs of parties to the case and avoiding financial repercussion from lengthy disagreement. Therefore, it is the aim of this paper to discuss the roles of mediation in resolving intellectual property disputes.

Keywords: Intellectual Property, Law, Disputes, Mediation

## DEFINITION

Generally, mediation has been defined as a dispute resolution process where parties agree to voluntarily refer their disputes to an independent third party acting as a facilitator who encourages the parties to come to their own resolution. For instance, MacFarlane (1997) defined mediation as a process that is overseen by a non-partisan third-party, the mediator, whose authority rests on the consent of the disputing parties. Kressel and Pruitt (1985) defined mediation as the assistance by a third party, who has no authority to dictate an agreement, to two or more conflicting parties. While Moore's (2003) definition of mediation emphasized the third party's impartiality and neutrality in facilitating communication and negotiations between the disputing parties, Noone (1996) observed that mediation in essence requires an intervention of an experienced, independent and trusted third party to help parties to settle their conflict.

Similarly, Street (1994) described it as a concept that focuses on the resolution of disputes through consensus. What is common to these definitions is that the third party does not impose a solution on the disputants to end the dispute.

Over the years, many definitions of mediation have been put forward and many of these purport to prescribe the process of mediation as conducted by the mediator. These definitions assume a theory of mediation based on a process which is primarily a facilitative and non-evaluative form of supervised negotiations, where the third party imposes no decision, but encourages the parties to agree on their own solution. Liebmann (2000:10) defines mediation as:

A process by which an impartial third party helps two (or more) disputants work out how to resolve a conflict. The disputants, not the mediators, decide the terms of any agreement reached. Mediation focuses on future rather than past behaviour.

It has to be noted that there is no one exhaustive definition on mediation. This is due to the flexible nature of mediation which ranges from various arrays of dispute. Liegois (2013) argued that mediators are required to possess far-reaching skills since they have to deal with those varieties

of dispute, and this contributes to the difficulty in defining mediation.<sup>1</sup> What adds more to such a intricacy is the fact every single session is confidential and only known to the mediator and parties involved. Bercovitch (2011) once commented that mediation is a mysterious practice as is not subject to any review:<sup>2</sup>

For a long time the study of mediation has been characterized by a startling lack of information. Practitioners of mediation, in all its guises, were keen to sustain its perception as a mysterious practice taking place behind closed doors, and scholars of mediation did not think it was susceptible to a systematic analysis. Neither believed that patterns of behaviour could be discerned, or that any generalizations about mediation should be made. It was as if all conflicts were essentially two-sided only. The third party was introduced merely as an afterthought.

In addition to the above confusion, the term mediation is sometimes used for different reasons, hence making it complicated to clearly demarcate the process from other out-of-court alternative dispute resolution.<sup>3</sup>

Despite the above observation, authors and scholars unanimously agreed that a practice should contain minimum criteria before it can be categorized as mediation. For example, Mordre stated that mediation is a practice of “assisted negotiations, where the role of the mediator is to facilitate an interest-based conflict resolution process.”<sup>4</sup> The best way to describe mediation is perhaps the one put forward by Bercovitch:<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Jean-Pierre Liegeois, *Developments In Mediation, Current Challenges And The Role of ROMED*, Council of Europe Publishing, Strasbourg, 2013, pg. 9.

<sup>2</sup> Jacob Bercovitch, *Theory and Practice of International Mediation*, Routledge, London, 2011, pg. 16For a long time the study of mediation has been characterized by a startling lack of information. Practitioners of mediation, in all its guises, were keen to sustain its perception as a mysterious practice taking place behind closed doors, and scholars of mediation did not think it was susceptible to a systematic analysis. Neither believed that patterns of behaviour could be discerned, or that any generalizations about mediation should be made. It was as if all conflicts were essentially two-sided only. The third party was introduced merely as an afterthought.

<sup>3</sup> Klaus J. Hopt, Felix Steffek (ed), *Mediation: Principles and Regulation in Comparative Perspective*, Oxford University Press, Oxford, 2013, pg. 15.

<sup>4</sup> Kjelland-Mordre, *Konflikt, Mekling Og Rettsmekling*, Universitetsforl, Oslo, 2008, pg. 91-92.

<sup>5</sup> Jacob Bercovitch, *International Conflict: A Chronological Encyclopedia Of Conflicts And Their Management*, 1945-1995, Congressional Quarterly, Washington, D.C., 1997, pg. 130.

Mediation here defined as a process of conflict management, related to but distinct from the parties' own negotiations, where those in conflict seek the assistance or accept an offer of help, from an outsider (who may be an individual, an organization, a group, or a state), to change their perceptions of behaviour, and to do so without resorting to physical force or invoking the authority of the law.

## MEDIATION AS PART OF THE ALTERNATIVE DISPUTE RESOLUTIONS

Mediation is a form of Alternative Dispute Resolution (ADR)<sup>6</sup>, which will be an alternative means to resolve disputes. It is a process which assists disputed parties to arrive to a mutually agreed resolution without going to court and therefore it is a form of out of court problem solving approach. Mediation is a more convenient way for parties who are trying to avoid the hassle and loving some flexibility from the more rigid court procedure. Mediation process is private, confidential and it is quite informal where disputing parties are encouraged to work together in good faith in order to solve their problems and disputes<sup>7</sup> at a lesser cost and time as opposed to the court procedure. In Malaysia the application of Mediation mechanism in dispute resolution is now growing in number especially for disputes relating to divorce matter, child custody or even for child visitation.<sup>8</sup>

Mediation is actually an extension of the negotiation process and shares some similarity with conciliation process.<sup>9</sup> However, it must be bear in mind that the mediator is at no power of making decisions which bind the parties. The mutual agreement or resolution which is achieved during a mediation process will need enforcement by registering the resolution or settlement agreement in court. Although mediation seems like a better solution than the court process, however, not every mediation session

<sup>6</sup> Jonathan Law & Elizabeth A. Martin, Oxford Dictionary Of Law Seventh Edition, Oxford University Press, Great Clarendon Street, Oxford, 2009, pg. 348.

<sup>7</sup> Mediation Skills Training Course, The Bar Council Arbitration & Alternative Dispute Resolution Committee (Mediation Sub-Committee), Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Selangor, Part 1, 2013.

<sup>8</sup> Mediation : <http://legal-dictionary.thefreedictionary.com/mediation>

<sup>9</sup> Hakimah Yaacob, Alternative Dispute Resolution (ADR): Expanding Options In Local And Cross Border Islamic Finance Cases, International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance, Kuala Lumpur, Malaysia, 2012, pg. 43.

will end up with a settlement or resolution as expected. For example, a mediation which took place between one of Malaysia celebrity, Hanez Suraya and her Public Relation (PR) Officer, Mohd Fairus Mohd Lazim which ended with a failure in the middle of their mediation process.<sup>10</sup> Besides that, mediation session does not interfere with the court session and is allowed to take place side by side.<sup>11</sup>

## THE LAW GOVERNING MEDIATION IN MALAYSIA

### i. Applicability of MA 2012

In Malaysia, mediation rules and regulation are laid out under Mediation Act 2012 (MA 2012) but this Act is not applicable for the Court Annexed Mediation as well as the mediation conducted under Jabatan Bantuan Guaman as stated under section 2 of MA 2012. Furthermore, mediation is not applicable to certain case under certain areas of law. Any matter pertaining to Federal Constitution, religion, election, custom, native and criminal offences are a few cases which cannot be mediate. Section 15 (2)(c) of MA 2012, provides that any mediation found to have any relation to criminal offence, shall be ceased immediately for reason of preserving the interest of the public.

### ii. Roles and appointment of Mediator

Mediation process needs to have an impartial third person called a mediator who will assist the parties throughout this process.<sup>12</sup> Throughout the mediation session, the mediator will assist the parties to delve into their dispute in order to discover the issues, their desires and the available settlement options.<sup>13</sup> The appointment of mediator are laid under section 7 of MA 2012, which provides that,

<sup>10</sup> Malaysia Digest, Mediation between Hanez and Former PA BrokeDown: <http://www.malaysiadigest.com/news/496316-mediation-between-hanez-and-former-pa-broke-down.html>.

<sup>11</sup> Section 4 of Mediation Act 2012

<sup>12</sup> Hakimah Yaacob, Alternative Dispute Resolution (ADR): Expanding Options In Local And Cross Border Islamic Finance Cases, International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance, Kuala Lumpur, Malaysia, 2012, pg. 43.

<sup>13</sup> Hakimah Yaacob, Alternative Dispute Resolution (ADR): Expanding Options In Local And Cross Border Islamic Finance Cases, International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance, Kuala Lumpur, Malaysia, 2012, pg. 43.

- 1) The parties shall appoint a mediator to assist them in the mediation.
